

## ATUR CARA MESYUARAT AGUNG KOSMA KALI KE 37 16 JUN 2019 ( AHAD )

### 8.00 PAGI

Pendaftaran Anggota-Anggota  
KOSMA di Dewan Jubli Perak  
Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan,  
Pahang Darul Makmur

### 8.30 PAGI

Anggota-Anggota KOSMA mengambil  
tempat di Dewan

### Bacaan Doa

Ucapan Pengerusi KOSMA  
Y.H. Dato' Haji Mokhtar bin  
Haji Mat Salleh

Penyampaian Anugerah dan Pampasan

Mesyuarat Agung dimulakan

# SENARAI KANDUNGAN

|                                 |       |
|---------------------------------|-------|
| Notis Mesyuarat Agung           | 1-2   |
| Kata-kata Aluan                 | 3-7   |
| Maklumat Penting KOSMA          | 8     |
| Anggota Lembaga                 | 9     |
| Sorotan Kalender Sesi 2018/2019 | 10-14 |

## AGENDA MESYUARAT

|   |         |
|---|---------|
|   | 15      |
| 1. <b>Melantik</b> Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-37 pada 16 Jun 2019.     |         |
| 2. <b>Mengesahkan</b> Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-36 pada 5 Mei 2018.  | 16-82   |
| 3. <b>Menimbang</b> Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2018/2019.  | 83-103  |
| 4. <b>Menimbang dan Meluluskan</b> Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018. | 104     |
| 5. <b>Menimbang dan Meluluskan</b> Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2019 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2020.   | 105-121 |
| 6. <b>Meluluskan</b> Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saran Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.                          | 122-123 |
| 7. <b>Menimbang dan Meluluskan</b> Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.  | 124     |
| 8. <b>Menentukan</b> Had Maksimum Keter hutangan Koperasi.  | 125     |
| 9. <b>Meluluskan</b> Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019.  | 126     |
| 10. <b>Mendengar, menimbang atau memutuskan</b> apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.                         | 127     |
| 11. <b>Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :</b>   | 128-131 |
| a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.   |         |
| b. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga; Tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2019-2022 (3 tahun).  |         |



# **NOTIS MESYUARAT AGUNG**

## **KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

B8032, Jalan Teluk Sisek Sri Kuantan Square,  
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Telefon : 09-5177977 / 09-5177980

No. Faks : 09-5137190

Bil ( 9 ) dlm KSMB / SKRT / MAT-37

24 Mei 2019

Kepada :-  
Semua Anggota  
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan / Puan Yang Dihormati,

## **NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 37**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :


**Tarikh : 16 Jun 2019 (Ahad)**  
**Masa : 8.00 pagi**  
**Tempat : Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.**

2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-
  - 2.1 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-37 pada 16 Jun 2019.
  - 2.2 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-36 pada 5 Mei 2018.
  - 2.3 **Menimbang** Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2018/2019.
  - 2.4 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018.
  - 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Belanjawan Tahun 2019 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2020.
  - 2.6 **Meluluskan** Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saran Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.
  - 2.7 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
  - 2.8 **Menentukan** Had Maksimum Keterutangan Koperasi.
  - 2.9 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019.

- 2.10 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan :
- 2.10.1 Usul Anggota Lembaga
  - 2.10.2 Usul-usul Anggota
- 2.11 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**
- a. Usul Pelantikan Dua ( 2 ) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
  - b. Memilih tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2019 - 2022 ( 3 tahun ).
3. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 10 Jun 2019 jam 12.00 tengah hari.**

**'MAJU BERSAMA KOPERASI'**

**Dengan perintah lembaga,  
KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

  
**DATO' HAJI KHADRI BIN MUSA**

Setiausaha

s.k. Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang

**NOTA PENTING : -**

1. Seperti yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, Anggota - Anggota KOSMA adalah diminta supaya tidak membawa ahli keluarga yang bukan merupakan anggota KOSMA ke dalam Dewan Mesyuarat. Ahli keluarga yang mengiringi Anggota ke Mesyuarat Agung bolehlah menunggu di mana-mana tempat di luar Dewan.
2. Anggota - Anggota KOSMA adalah diingatkan **bahawa penama atau wakil mereka adalah tidak dibenarkan mendaftar, mengambil elaun Mesyuarat atau mengundi.** Justeru itu, Anggota - Anggota adalah dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan masing - masing dan kad keanggotaan KOSMA bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.
3. Kaunter pendaftaran akan dibuka seperti berikut :
  - i. pada hari mesyuarat agung iaitu **16 Jun 2019** mulai dari jam **07.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi** di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Anggota - Anggota diminta hadir dalam tempoh pendaftaran berkenaan **untuk melayakkan mereka mengundi.** **Kaunter** pendaftaran **lewat** akan dibuka **sehingga jam 12.30 tengah hari** bagi tujuan daftar kehadiran sahaja.

# KATA ALU-ALUAN YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG

DATO' SRI HAJIWAN ROSDY BIN WAN ISMAIL, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya ucapkan tahniah kepada kepemimpinan serta ahli-ahli Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37 pada tahun ini.

Saya percaya, mesyuarat agung ini sememangnya dinanti-nantikan oleh ahli-ahli KOSMA yang menerusinya, dapat mengeratkan lagi hubungan mesra sesama ahli dan dengan kepemimpinan.

KOSMA kini semakin dikenali bukan sahaja dengan aktiviti perladangannya tetapi juga dengan beberapa inisiatif komersilnya seperti dalam bidang perhotelan dan pajak gadai Islam.

Adalah diharapkan agar KOSMA akan dapat mengembangkan perniagaan perhotelan dan pajak gadai ini – yang setakat ini tertumpu di Kuantan dan Temerloh sahaja ; ke daerah-daerah dan negeri-negeri lain pula.

Bersempena dengan Mesyuarat Agungnya kali yang turut ada pemilihan bagi pucuk kepemimpinan, saya ucapkan selamat memilih dan semoga pilihan yang dibuat adalah tepat serta dapat membawa KOSMA ke arah kejayaan yang lebih gemilang, Insya Allah.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN



DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN YUSOF



Bismillahirrahmanirrahim...

Setinggi kesyukuran ke-hadrat Allah SWT di atas keizinannya-Nya untuk Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 37, pada hari ini. Terima kasih kepada KOSMA kerana memberi peluang untuk saya memberikan kata-kata aluan dalam Buku Laporan Tahunan KOSMA ini.

KOSMA mempunyai sejarah penglibatan di dalam bidang koperasi yang cukup panjang. Dengan usia organisasi menjangkau 52 tahun, sewajarnyalah KOSMA berada di kalangan koperasi ternama – merujuk kepada indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Saya yakin, pencapaian ini tidak dicapai dengan mudah. Sudah tentu, ianya didasari dengan perancangan kepimpinan koperasi yang teliti dan semangat muafakat di kalangan ahli yang tinggi.

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Rangka Kerja Keusahawanan Negara iaitu the National Entrepreneurship Framework, yang menggariskan hala tuju gerakan koperasi di bawah teras strategik ketiga, sekaligus memacu peranan koperasi sebagai penggerak utama ekonomi dan keusahawanan sosial (social enterprise).

Kami di MED amat berharap, semua penggerak sektor koperasi dapat bergerak seiring dengan hasrat dan aspirasi kerajaan – untuk turut sama membantu kita meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya golongan B40 ini.

Inisiatif KOSMA untuk terlibat lebih aktif di dalam bidang Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) juga cukup strategik. Kita jangan sesekali melupakan fakta bahawa aktiviti koperasi yang paling banyak menyumbang kepada jumlah perolehan dan keluaran dalam negara kasar (KDNK) adalah perbankan dan kredit. Berdasarkan statistik 2017, sejumlah 589 buah koperasi perkhidmatan kewangan menyumbang perolehan sebanyak RM33.45 billion atau 83.12 peratus daripada keseluruhan pendapatan koperasi.

Saya cukup optimis dengan kemampuan KOSMA untuk terus berkembang maju berdasarkan kedudukan kewangan yang kukuh, tadbir urus yang baik, diterajui pula barisan pengurusan yang berpengalaman dan berwawasan tinggi.

Akhir kata, saya mendoakan semoga Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37 KOSMA ini akan berjalan lancar, penuh tertib dan disulami semangat kekitaan yang tinggi. Selamat bersidang dan semoga mesyuarat ini nanti matatijahkan sesuatu yang sangat positif kepada semua anggota.

Selamat Maju Jaya!

# KATA ALU-ALUAN YANG BERBAHAGIA PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



DATUK NORDIN BIN SALLEH



Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatoh dua kata dalam Buku Laporan Tahunan 2018 KOSMA ini.

Setinggi-tinggi tahniah kepada KOSMA kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37. Saya yakin dan percaya bahawa kemajuan dan kejayaan koperasi adalah hasil daripada kerjasama erat antara Lembaga Pengarah, Pengurusan serta anggota-anggota koperasi.

Saya ingin menyarankan bahawa sudah tiba masanya koperasi-koperasi di Malaysia khususnya KOSMA untuk mencontohi amalan terbaik yang dilaksanakan oleh beberapa koperasi di negara-negara maju yang mengamalkan sistem tadbir urus yang baik, menjalankan perniagaan bernilai tinggi dan terbukti mampu menyumbang kepada pendapatan koperasi serta anggota.

Justeru, bagi membolehkan koperasi menjadi penyumbang berkesan, ia perlu bergerak selari dengan kehendak pasaran, bersaing bagi menjana pendapatan dan memberi perkhidmatan. Penglibatan koperasi dalam pelbagai aktiviti ekonomi telah merubah lanskap aktiviti koperasi daripada tradisional kepada moden dan berimpak tinggi sejajar dengan perkembangan teknologi dan gaya hidup semasa masyarakat. Oleh yang demikian, SKM akan terus memberi sokongan kepada KOSMA untuk terus menjadi sebuah koperasi yang berkualiti dan berdaya saing.

Akhir kata, saya mendoakan agar KOSMA akan berdaya maju dan menempa kejayaan seterusnya menyumbang secara signifikan dalam pembangunan gerakan koperasi di negara ini.

Selamat Maju Jaya.

# KATA ALU-ALUAN PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PAHANG



TUAN HAJI IBRAHIM BIN KASAH



Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita sama-sama diberi nafas untuk menjalani kehidupan yang semakin mencabar pada hari ini dan seterusnya In Sha Allah...

Pada masa ini, gerakan koperasi perlu menerima hakikat bahawa ledakan ekonomi sangat akan memberi kesan yang signifikan kepada ekonomi persekitaran. Melangkah ke arah pertubuhan ekonomi global dan Malaysia yang sedang pesat membangun, sektor koperasi turut mengambil peluang meningkatkan keupayaan dengan penglibatan dalam pelbagai sektor ekonomi yang berimpak tinggi. Antara sektor ekonomi yang signifikan kepada ekonomi gerakan koperasi ialah Sektor Perkhidmatan Kewangan, Sektor Pemborongan dan Peruncitan, Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani, Sektor Perladangan, Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan serta Sektor Pelancongan, Perniagaan Diri dan Kesihatan.

Pembentukan peneraju sektor mengikut enam (6) sektor ekonomi utama yang digariskan dalam DKN 2011-2020, penghasilan Pelan Pembangunan mengikut sektor masing-masing dijangka akan dapat meningkatkan pendapatan koperasi melalui ekonomi bidangan yang akhirnya dapat memberi lonjakan besar kepada kemajuan gerakan koperasi dan seterusnya dijangka mencapai sasaran perolehan sebanyak RM50 billion menjelang tahun 2020.

Pencapaian keseluruhan perolehan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM39.66 bilion iaitu 108.50% berbanding sasaran yang ditetapkan. Empat (4) daripada enam (6) sektor ekonomi utama iaitu Sektor Perkhidmatan Kewangan, Sektor Pemborongan dan Peruncitan, Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani serta Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan telah mencapai perolehan melebihi 100% berbanding dengan sasaran yang ditetapkan. Sementara itu, Sektor Perladangan dan Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan telah mencapai sasaran sebanyak 98.9% dan 98.5% masing-masing.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad dan seluruh warga kerja di atas usaha dan terus memberikan perkhidmatan terbaik untuk gerakan koperasi.

Sekian, Selamat Maju Jaya.

# **SECEBIS RASA PENGERUSI KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**



**DATO' HAJI MOKHTAR BIN HAJI MAT SALLEH, DIMP., AAP., AMP.**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur ke haderat Allah S.W.T. kerana dengan limpah perkenanNya, kita dapat bersama lagi di Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 37 KOSMA pada hari ini. Semoga kita terus dipanjangkan usia dan dapat bertemu lagi di tahun-tahun yang akan datang.

Seperti biasa, mesyuarat agung pada hari ini adalah bagi membincangkan beberapa agenda penting demi kelangsungan dan kelancaran aktiviti dan program perniagaan KOSMA. Disamping itu, agenda untuk memilih Anggota Lembaga KOSMA bagi mengisi tiga kekosongan barisan kepimpinan KOSMA yang akan berkhidmat untuk tempoh selama 3 tahun juga menjadi antara agenda yang penting. Anggota-anggota perlulah membuat pilihan yang terbaik berdasarkan pengamatan dan penilaian secara rasional serta berasaskan fakta yang sahih, supaya mereka yang dipilih nanti mampu memacu ke arah KOSMA yang lebih gemilang.

Menyentuh mengenai keuntungan KOSMA bagi tahun 2018, KOSMA sedang menghadapi suasana getir walaupun pengeluaran hasil BTB KOSMA agak baik dan meningkat sedikit pada tahun lepas, namun kejatuhan harga komoditi dan minyak sawit mentah memberikan kesan yang agak besar kepada sumber pendapatan KOSMA. Kebergantungan pendapatan KOSMA lebih 90% adalah daripada penghasilan ladang kelapa sawit. Harga minyak sawit mentah purata bagi tahun 2018 ialah RM 2,270/metrikk tan berbanding harga purata bagi tahun 2017 iaitu RM 2,720/metrikk tan.

Perbezaan pendapatan dan keuntungan bagi tahun 2018 dengan tahun 2017 adalah begitu ketara. Anggaran keuntungan bersih terkumpul sebelum cukai bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM41,822,663 juta berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak RM 80,023,156 juta. Namun KOSMA bernasib baik kerana keupayaan pengurusan mengawal kos pengeluaran dan kos operasi seperti tahun-tahun sebelum ini iaitu sekitar RM200/metrikk tan, yang terendah berbanding pemain industri yang sama di seluruh Malaysia. Berdasarkan senario ini, kadar dividen dan lain-lain pembayaran, pasti akan berkurangan daripada tahun-tahun sebelum ini. Walau bagaimanapun, kadar yang akan dibayar nanti dijangka masih lebih baik daripada kadar dividen yang dibayar oleh koperasi dan institusi kewangan yang lain. Langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan yang lebih berhemah sedang diambil, merangkumi semua aspek bagi menjamin kelangsungan dan 'survival' KOSMA, khususnya dalam industri perladangan kelapa sawit ini disamping perniagaan lain yang diceburi.

Untuk makluman anggota-anggota, perniagaan hotel-hotel KOSMA kini diletakkan dibawah kendalian KOSMA Tourism Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat kepada KOSMA Holding Sdn Bhd, mengalami kemerosotan pendapatan atas beberapa punca yang sedang dikenalpasti disamping kemerosotan ekonomi semasa. KOSMA Holding Sdn Bhd juga akan mengendalikan perniagaan-perniagaan lain yang juga sedang dikenalpasti. Perniagaan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) KOSMA pula telah mengembangkan sayapnya dengan membuka cawangan Ar-rahnu di Temerloh.

Akhirkata, terima kasih kepada semua anggota Lembaga, pengurusan dan kakitangan serta anggota- anggota yang terus setia bersama memberikan segala bentuk sokongan dan sumbangan dalam memastikan KOSMA terus maju dan cemerlang demi kemaslahatan kita bersama.

Selamat bersidang demi mencari kesepakatan dan kebaikan untuk kita semua. Terima kasih.

# MAKLUMAT PENTING KOSMA

## ANGGOTA LEMBAGA

### Pengerusi

YH. Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh, DIMP., AAP., AMP.

### Timbalan Pengerusi

YH. Dato' Haji Abdul Manan bin Abd Rahman, DIMP., KMN., AAP., AMP., PJK.

### Setiausaha

YH. Dato' Haji Khadri bin Musa, DIMP.

### Bendahari

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari

### Wakil Kerajaan

YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. YH. Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz, DSAP., DIMP., SMP.

### Anggota Lembaga

- YH. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN
- YH. Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif, DIMP., AMP.
- Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin
- YH. Dato' Haji Zamri bin Mohamed, DIMP.
- Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah

## MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

### Pengurus Besar

Encik Mohd Shafirun bin Mohd Azba

### Pengurus Kewangan

Puan Razlina bt Mohd Radzil

### Setiausaha Eksekutif

Encik Abdul Ghafar bin Hussin

### Pengurus Kanan Ladang

- Tuan Haji Kamarudin Arifin bin Idris (Division A)
- Encik Yusof bin Jaafar (Division B)

## Pengurus Ladang

- Encik Mohd Razuan bin Mustapa Kamar
- Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi
- Encik Zaharim bin Zainuddin
- Encik Mohd Shahril bin Abdullah
- Encik Mohd Yassin bin Ali (PP)

## ALAMAT BERDAFTAR

### KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square  
Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

## SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%)  
KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%)

## SYARIKAT BERSEKUTU MENGURUSKAN KILANG KOSMA

### (Wujud Wawasan Sdn Bhd)

- KOSMA • 49%
- Kilang Wujud Wawasan Sdn Bhd • 51%

## YAYASAN KOSMA

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim  
Pengerusi Lembaga Pemegang  
Amanah Yayasan KOSMA

## BANK-BANK

- Bank Muamalat (M) Berhad
- CIMB Berhad
- Malayan Banking Berhad
- RHB Bank Berhad
- Bank Persatuan Malaysia Berhad
- Bank Kerjasama Rakyat Berhad
- Ar Rajhi Bank
- Affin Bank berhad
- Bank Islam Malaysia Berhad
- United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

## KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia  
Modal Syer - RM1,025,665  
(sehingga Disember 2018)
- Bank Pertama Malaysia Berhad  
Modal Syer - RM1,639,004  
(sehingga Disember 2018)

Konsortium Penyelaras Koperasi

Negeri Pahang Berhad  
Modal Syer - RM20,000  
(sehingga Disember 2018)

## JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

### Ketua

Tuan Haji Abdul Mutalib bin Yusof

► Setiausaha  
Encik Ravitharan A/L Ratnasingam

### AJK

- Encik Muslim bin Umar
- Tuan Haji Mohamed Azhar bin Sulong
- Puan Hajjah Rokiah bt Haji A Wahab

## JURUAUDIT LUAR

### Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (Aftaas)

No. 60 Jalan Putra Square 7, Putra Square,  
25200 Kuantan, Pahang

## PEGUAM

### Tetuan Zainur Zakaria & Co

Advocates & Solicitors  
D-3-10, Plaza Damas  
No 60 Jalan Sri Hartamas Satu  
50480 Kuala Lumpur

### Tetuan Noorhuda & Partners

Peguambela & Peguamcara  
B-8028 2nd Floor, Sri Kuantan  
Square, Jalan Teluk Sisek  
25000 Kuantan, Pahang

### Tetuan Premjit & Associates

Unit B-6-3A, Tower B, Vertical  
Business Suite, Avenue 3,  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur

### Tetuan Daeng Khatijah & Amran

Peguambela & Peguamcara  
A37, 2nd Floor, Wisma KPKP  
Jalan Gambut 2, P.O. Box 18  
25000 Kuantan, Pahang

### Tetuan Shamsul Rijal & Associates

No.19A, Tingkat 1 & 2, Malay Town,  
Jalan Putra Square 2, Putra Square,  
25200 Kuantan, Pahang

# ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA



## ► Duduk dari kiri

1. YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN.
2. YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman, DIMP., KMN., AAP., AMP., PJK.
3. YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
4. YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh, DIMP., AAP., AMP.
5. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Haji Ab Aziz, DSAP., DIMP., SMP.

Anggota Lembaga

Timbalan Pengerusi

Wakil Kerajaan

Pengerusi

Wakil Kerajaan

## ► Berdiri dari kiri

6. YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed, DIMP.
7. Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah
8. YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif, DIMP., AMP.
9. Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin
10. YH Dato' Haji Khadri bin Musa, DIMP.
11. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari

Anggota Lembaga

Anggota Lembaga

Anggota Lembaga

Anggota Lembaga

Setiausaha

Bendahari

# SOROTAN KALENDAR SESSI 2018/2019

**5 MEI 2018**  
**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 36**  
**DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN**



# SOROTAN KALENDAR SESSI 2018/2019

**7 JULAI 2018  
MAJLIS JAMUAN AIDILFITRI 2018  
LADANG KOSMA**



**9 OGOS 2018  
MAJLIS KESYUKURAN DAN CERAMAH  
MASJID TENGKU MAHKOTA ABDULLAH,  
KOSMA**



**5 SEPTEMBER 2018  
LAWATAN KE MAKMAL BUDI JS PLANTATION  
MANAGEMENT SDN BHD**



# **SOROTAN KALENDAR SESSI 2018/2019**

**29 SEPTEMBER 2018**

**KEJOHANAN WOODBALL ANGGOTA LEMBAGA DAN KAKITANGAN DI LADANG KOSMA**



**28 OKTOBER 2018**

**ISO - LATIHAN KESEDARAN ISO 9001:2015 DI KOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA**



**8-10 NOVEMBER 2018**

**ISO - LATIHAN PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN ISO 9001:2015 DI HOTEL LEGEND, CHERATING**



# SOROTAN KALENDAR SESSI 2018/2019

DISEMBER 2018

ISO - LATIHAN PEMURNIAN DOKUMEN DAN PEMBANGUNAN PROFAIL RISK DI KOSMA BOUTIQUE HOTEL



**27 NOVEMBER 2018**  
**PERJUMPAAN DENGAN**  
**PENGARAH SKM PAHANG**



**12 DISEMBER 2018**  
**PROGRAM LAWATAN KE KILANG KOSMA**



**25-27 JANUARI 2019**  
**TEAM BUILDING KOSMA**



# **SOROTAN KALENDAR SESSI 2018/2019**

**25-27 JANUARI 2019  
TEAM BUILDING KOSMA**



**7 MAC 2019  
LAWATAN KE LADANG SUNGAI RENTUNG,  
GUA MUSANG**



**26 MAC 2019  
TEMUDUGA JAWATAN KERANI  
DI AR RAHNU CAWANGAN TEMERLOH**



**MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ANGGOTA  
DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK  
MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-37  
PADA 16 JUN 2019**

**1.0 TUJUAN**

**Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA ke-37 pada 16 Jun 2019.**

**2.0 MAKLUMAN**

**Undang-Undang Kecil 32 (1) (1) berbunyi :-**

**Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.**

**3.0 KEPUTUSAN**

**Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk :-**

- 3.1 **Melantik enam orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 37 dan**
- 3.2 **Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA ke-37.**

**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36  
PADA 5 MEI 2018**

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-36 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-36 pada 5 Mei 2018 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.

**DATO' HAJI MOKHTAR 'BIN HAJI MAT SALLEH**  
Pengerusi

  
**DATO' HAJI ABDUL MANAN  
BIN ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Pengerusi  
**DATO' HAJI KHADRI  
BIN MUSA**  
Setiausaha  
**AHMAD SHUKRI  
BIN HAJI JOHARI**  
Bendahari  
**HAJI KAMIL  
BIN ABD MAJID**  
Anggota Jawatankuasa  
**SHAMSHUL BAHRIN  
BIN TALIB**  
Anggota Jawatankuasa  
**AHMAD MUSTAFFA BIN  
HAJI ZAINAL ABIDIN**  
Anggota Jawatankuasa  
**KAMARULZAMAN  
BIN HASSAN**  
Anggota Jawatankuasa  
**ZAINAL ASHIKIN  
BIN IBRAHIM**  
Anggota Jawatankuasa  
**MUSTARI ANUAR  
BIN SAMAH**  
Anggota Jawatankuasa

# **MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-35**

**TARIKH : 05 MEI 2018 (SABTU)**

**MASA : 09.00 PAGI**

**TEMPAT : DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
JALAN TELUK SISEK, KUANTAN**

## **A. KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA**

|   |                      |
|---|----------------------|
| YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim | - Pengerusi          |
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh       | - Timbalan Pengerusi |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa                   | - Setiausaha         |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari          | - Bendahari          |
| YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz        | - Wakil Kerajaan     |
| YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif            | - Anggota Lembaga    |
| Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad                    | - Anggota Lembaga    |
| Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin          | - Anggota Lembaga    |
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman      | - Anggota Lembaga    |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed                 | - Anggota Lembaga    |

### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF :-**

|  |                  |
|--|------------------|
| YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail | - Wakil Kerajaan |
|--|------------------|

## **B. KEHADIRAN ANGGOTA**

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1250 orang (Termasuk Anggota Lembaga dan anggota yang mendaftar lewat) - **LAMPIRAN 'A'**

### C. TURUT HADIR

|                                    |   |   |
|------------------------------------|---|---|
| Tuan Haji Ibrahim bin Kasah        | - | Pengarah<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Cawangan Negeri Pahang |
| Encik Khairul Azhar Ariffin        |   |   |
| Encik Mohamed Nadzir Idris         |   |   |
| Encik Muhammad Shafiq bin Shahidan | } | Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar<br>(AFTAAS)                    |

### D. BACAAN DOA

Dipimpin oleh Ustaz Mohd Saidin Hadri bin Osman, Imam Masjid Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al Haj (Masjid KOSMA) (No. Anggota:2867).

### E. UCAPAN OLEH PENGERUSI KOSMA

YH DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM - **LAMPIRAN 'B'**

### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 36

#### ALUAN PENGERUSI

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Mesyuarat memberi salam dan mengalu-alukan Anggota Lembaga serta semua anggota yang hadir serta mengisyiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 36 dimulakan. Seterusnya beliau mengumumkan sehingga jam 10.30 pagi kehadiran anggota yang mendaftar berjumlah 1,152 orang dan angka ini melebihi dari kuorum yang telah ditetapkan. Manakala sehingga pukul 11.00 pagi, kehadiran anggota berjumlah, 1222 orang iaitu jumlah anggota yang layak mengundi.

Sebelum mesyuarat dimulakan, beliau berharap agar Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini berjalan dengan baik dan lancar. Seterusnya beliau memberi peringatan secara ringkas mengenai Aturan Mesyuarat Agung, antaranya ;

- i. Anggota yang ingin mengemukakan pertanyaan atau memberi pandangan perlulah menyatakan nama dan nombor anggota serta nombor muka surat bagi memudahkan rekod dan rujukan.
- ii. Anggota hanya dibenarkan bercakap sekali bagi sesuatu agenda dan jangan berulang mengenai sesuatu perkara dengan tempoh masa bercakap yang tidak panjang. Jika hendak bertanya, boleh terus mengemukakan soalan yang berkenaan.
- iii. Beliau juga mengingatkan semasa agenda pengundian dijalankan, seandainya terdapat anggota yang memberi kertas undi kepada orang lain, maka kertas undi tersebut dikira rosak. Manakala bagi anggota yang kurang upaya, KOSMA menyediakan pembantu dan kerusi roda bagi kemudahan dan keselesaan anggota tersebut. Calon dan wakil calon juga tidak dibenarkan berlegar di kawasan pengundian semasa sessi pengundian berlangsung.

**1.0 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE – 36 PADA 5 MEI 2018 – KMA 01/2017**

- 1.1 **YH Dato' Sri Pengerusi** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 01/2017 (Muka surat 14) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-36 pada 5 Mei 2018 mengikut Undang – undang Kecil 32 (1) (l) yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga berdasarkan UUK 32 (1) (l).
- 1.2 Pencalonan yang telah mendapat sokongan seperti berikut :-
  - i. Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota: 0969) mencadangkan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)**
  - ii. Encik Abdullah @ Mohd Noor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094) mencadangkan **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
  - iii. Encik Zainal Ashikin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A) mencadangkan **Tuan Haji Kamil bin Abd Majid (Anggota : 2270)** dan **Encik Shamshul Bahrin bin Talib (Anggota: 2426 )**.
  - iv. Encik Shamshul Bahrin bin Talib (Anggota: 2426) mencadangkan **Encik Zainal Ashikin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A)**.
  - v. Tuan Haji Alias bin Mohamad Nor (Anggota: 0059) mencadangkan **Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**
- 1.3 Atas cadangan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** pencalonan ditutup dan disokong sebulat suara oleh Mesyuarat Agung pada hari ini.
- 1.4 Senarai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-36 adalah seperti berikut :-
  - i. **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)**
  - ii. **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
  - iii. **Tuan Haji Kamil bin Abd Majid (Anggota : 2270)**
  - iv. **Encik Shamshul Bahrin bin Talib (Anggota: 2426)**
  - v. **Encik Zainal Ashikin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A)**
  - vi. **Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**
- 1.5 Mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa yang dilantik ini mengadakan mesyuarat dalam tempoh sebulan dari tarikh Mesyuarat Agung ini diadakan. Mesyuarat Agung pada hari ini juga bersetuju enam (6) orang anggota yang dipilih seperti di atas dan empat (4) orang Anggota Lembaga berjawatan iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dilantik sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke 36.

**2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-35 PADA 20 MEI 2017 – KMA 02/2017**

- 2.1 **YH Dato' Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 02/2017 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-35 pada 20 Mei 2017 (Muka surat 15 - 69). Beliau juga

memaklumkan bahawa minit tersebut juga telahpun ditentusahkan oleh Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung yang telah bermesyuarat pada 31 Mei 2017 dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan Akta Koperasi 1993 Seksyen 14 (1).

- 2.2 Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 35 pada 20 Mei 2017 disahkan.

### **3.0 MENIMBANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2017/2018 – KMA 03/2017**

- 3.1 **YH Dato' Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 03/2017 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sessi 2017/2018 (muka surat 70-88). Beliau juga merujuk muka surat 78, dan memaklumkan pembetulan ejaan bagi perkataan 'Integiti' bagi perkara 4.8 iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti.
- 3.2 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** mengucapkan syabas di atas ucapan YH Dato' Sri Pengerusi dan menyatakan bahawa inilah yang dikehendaki oleh anggota iaitu makluman mengenai apa yang berlaku dalam KOSMA. Isu mengenai masa hadapan bagi pewaris-pewaris baru yang semakin ramai juga harus diberi perhatian.
- 3.3 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan apa yang dibangkitkan oleh anggota perlulah merujuk kepada isi kandungan di dalam laporan tahunan.
- 3.4 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** berpendapat bahawa Laporan ini juga menimbulkan prasangka kurang baik di kalangan anggota kerana ia tiada laporan mutakhir melainkan bilangan mesyuarat dan sebagainya. Sebagai contoh anggota-anggota berhak mengetahui keputusan-keputusan penting dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Pelaburan. Begitu juga dengan Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib, beliau hanya mengetahui dari akhbar berita mengenai pegawai KOSMA yang terlibat dengan kes SPRM.
- 3.5 **YH Dato' Sri Pengerusi** menegur agar jangan membuka aib orang lain.
- 3.6 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** menyatakan bahawa anggota ingin tahu, sekiranya mendapat makluman daripada akhbar sahaja boleh menimbulkan berbagai prasangka buruk. Beliau juga membangkitkan mengenai beberapa isu iaitu :-
- i. Perjanjian Usahasama Ho Hup Construction Company Berhad (Ho Hup), yang turut keluar dalam akhbar.
  - ii. Merujuk mukasurat 82 - Hanya terdapat dua (2) perkara dibentangkan bagi Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.
  - iii. Isu mengenai Jawatan Pengurus Besar KOSMA yang masih belum diisi. Anggota Lembaga merupakan orang menetapkan dasar tetapi pelaksanaannya dijalankan Pengurus Besar yang menerajui Jabatan-jabatan tertentu bagi pelaksanaan dasar-dasar itu. Jika tidak ia boleh menimbulkan desas-desus iaitu terdapat kumpulan di dalam Anggota Lembaga itu menjalankan tugas seolah-olah syarikat sdn bhd dan bukan Koperasi.
  - iv. Berkennaan Budi JS Plantation Management Sdn Bhd (Budi JS) sememangnya mempunyai jasa yang besar, namun ia perlu selaras dengan peredaran zaman malah beliau mendapat bayaran

- yang dikenakan oleh agensi tersebut terlampau tinggi iaitu RM15 juta setahun. Jika mahu meneruskan khidmat Budi JS ini perlulah dikurangkan bayaran tersebut mengikut kadar semasa. Manakala Insentif Hasil adalah berdasarkan kepada 2.5% daripada kelebihan pencapaian hasil daripada target dan dibayar 2.26% dari keseluruhan hasil. Bayaran bagi 'Visiting Agent' juga dibayar berasalingan dari KOSMA iaitu berjumlah lebih dari RM2 juta.
- v. Peneroka Felcra juga boleh mencapai pendapatan sebanyak RM9,600 untuk keluasan 4 ekar berbanding KOSMA hanya 1 unit ladang bersamaan RM4,000 sahaja.
- 3.7 **YH Dato' Setiausaha** menjawab perkara dan persoalan yang dibangkitkan iaitu:
- Berkenaan Buku Laporan Tahunan, ia telah mengikut format seperti tahun-tahun yang lalu dan akan diperbaiki dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan saranan yang telah dikemukakan tadi untuk dipertimbangkan pada masa akan datang.
  - Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) juga telah melakukan yang terbaik dalam menjalankan tugas pengauditan ke atas aktiviti KOSMA. Pengurusan juga telah membentangkan jawapan pengurusan kepada Ketua dan Setiausaha JKAD atas semua isu yang dibangkitkan dan telah diterima serta diambil maklum oleh pihak JKAD.
- 3.8 Merujuk kepada beberapa isu berbangkit, **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa :-
- Berkenaan dengan kekosongan jawatan Pengurus Besar, pengurusan telah membuat lantikan secara dalaman (tempoh percubaan) iaitu Pegawai Kanan bagi menjalankan tugas Pengurus Besar selama setahun 6 bulan dan didapati beliau tidak mampu menjalankan tugas tersebut. Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib telah dipertanggungjawabkan menentukan cara mana prosedur perlantikan tersebut dan akan dilaksanakan selepas mesyuarat agung ini. Sementara itu, bahagian masing-masing menjalankan tugas dibawah tiga orang Pegawai Kanan dipantau oleh Setiausaha dan Bendahari.
  - Persoalan mengenai pendapatan oleh peneroka Felcra juga tidak boleh dibuat perbandingan kerana KOSMA menggunakan sistem unit dan bukan sistem ekar.
- 3.9 **Tuan Bendahari** menjelaskan berdasarkan kepada laporan ini, bayaran kepada Agen Pengurusan Ladang tahun lepas adalah sebanyak RM2.6 juta bersamaan RM10.00 satu tan BTB dan bukan RM15 juta. Jumlah yang disebut tadi bukan yuran kepada agen pengurusan ladang tetapi ialah yuran pengeluaran hasil yang dikenakan oleh koperasi kepada unit ladang sebagai upah pengurusan.
- 3.10 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota 2785)** mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan.
- Menyokong cadangan oleh Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed mengenai pengisian di dalam buku laporan yang boleh diperbaiki lagi.
  - Menyentuh mengenai Budi JS, beliau menyatakan tidak mempunyai sebarang kepentingan namun apa yang ada sekarang perlu diteruskan. Walau bagaimanapun, KOSMA boleh memikirkan sesuatu sekiranya kontrak tamat kelak. Pendapatan dividen KOSMA juga meningkat dari tahun ke tahun. Agensi tersebut juga mempunyai kepakaran dalam penyediaan laporan perladangan, 'Agronomy Report', 'Visiting Agent report' dan lain-lain. Malah semasa pergolakan antara korporat dan koperasi, agensi tersebut turut membantu perjuangan KOSMA. Pada pandangan beliau juga, Pengurusan boleh membuat kos perbandingan sekiranya KOSMA menggunakan khidmat agensi atau melaksanakan sendiri pengurusan ladang.

- 3.11 **YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad (Anggota : 2584)** bersyukur kerana dapat menghadiri Mesyuarat Agung pada hari ini. Beliau tidak dapat hadir pada tahun lepas dan redha walaupun hanya mendapat 311 undi bagi pencalonan beliau sebagai anggota lembaga. Beliau ingin mengemukakan beberapa cadangan iaitu :-
- i. Merujuk muka surat 75 - Jawatankuasa Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan, berpandangan mana-mana koperasi perlu mengadakan sessi suai kenal untuk anggota-anggota baru dan memberi pemahaman mengenai Akta Koperasi, Undang-undang Kecil dan secara umumnya pergerakan koperasi di negara dan di peringkat antarabangsa.
  - ii. Cadangan kedua beliau iaitu mengadakan kursus dua (2) hari samada oleh KOSMA di Kuantan ataupun mengaturkan kursus di Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya iaitu penerangan mengenai Koperasi KOSMA dan 'Cooperative Movement'.
  - iii. Seterusnya beliau mencadangkan saham emas kepada semua anggota sempena Jubli Emas 50 Tahun KOSMA supaya ia benar-benar bermakna kepada anggota. Syarat saham emas iaitu satu saham yang dikenakan sebagai saham emas 'personal to holder' dan tidak boleh dipindahmilik. Dividennya kekalkan sebanyak RM4,000 dan tidak sama seperti dividen saham lain. Jika pada masa akan datang saham biasa lebih dari RM4,000 maka berilah ia 10% lebih dari saham biasa.
  - iv. Mengucapkan setinggi tahniah di atas kejayaan Pengurusan KOSMA. Berdasarkan kepada ucapan YH Dato' Sri Pengurus, ia merupakan asam garam kepimpinan suatu koperasi. Kandungan ucapan juga merangkumi liku-liku sejarah KOSMA , namun yang tidak disebut iaitu mengenai kaveat YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman yang telah menyelamatkan harta KOSMA dari pengkorporatan. Beliau juga berterima kasih atas penghargaan kepada beliau melalui ucapan YH Dato' Sri Pengurus.
- 3.12 **YH Dato' Sri Pengurus** menerima baik pandangan tersebut dan cadangan mengenai saham emas boleh dibuat kajian oleh KOSMA. Kemungkinan untuk mengagihkan satu unit kepada seorang anggota dikhuatiri tidak mencukupi, oleh yang demikian ia memerlukan kajian terperinci, terutama pada anggota yang lama. Selain dari kaveat YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman, beliau memaklumkan bahawa individu yang turut berjasa dalam hal ini iaitu Puan Nual Hana binti Osman, Pegawai Pejabat Tanah dan Galian Pahang yang telah mencadangkan kaveat apabila mendapat maklumat mengenai permohonan korporat untuk menukar nama di Pejabat Tanah dan Kerajaan Pahang.
- 3.13 **YH Dato' Setiausaha** mengucapkan terima kasih atas cadangan mengenai kursus bagi anggota baru. Beliau sebagai Pengurus Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta bagi sessi 2016/2017 telah menganjurkan kursus tersebut namun daripada 40 orang, cuma 5 orang sahaja yang hadir. Beliau mencadangkan supaya dibuat ketetapan pada Mesyuarat Agung hari ini iaitu semua anggota baru yang diterima menjadi anggota KOSMA hendaklah menjalani kursus sehari bersama KOSMA dikendalikan oleh Maktab Koperasi Malaysia Kuantan sebelum didaftar sebagai anggota. Perkara ini juga dipersetujui oleh Pengarah SKM dan dipersetujui sebulat suara oleh Mesyuarat Agung pada hari ini.
- 3.14 **YBhg Datuk Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota : 1938)** ingin mengucapkan tahniah kepada KOSMA kerana telah berjaya melalui zaman penuh cabaran. Beliau juga berharap agar diusahakan supaya eluan mesyuarat boleh diberi sebanyak RM1,000 seorang pada masa hadapan. Beliau juga melahirkan sedikit kekecwaan kerana KOSMA masih mengharapkan orang lain untuk mentadbir ladang. Beliau mencadangkan supaya dibuat kertas kerja perbandingan sekiranya KOSMA menggunakan khidmat agensi dan menguruskan sendiri ladang KOSMA.

3.15 **YH Dato' Timbalan Pengerusi** menjelaskan secara ringkas kronologi agensi perladangan KOSMA, iaitu bermula dari awal pembukaan, KOSMA telah menggunakan khidmat agensi iaitu Boustead selama beberapa tahun namun tidak memuaskan. Kemudian KOSMA telah mengambil agensi baru iaitu Plantation Advisory Services Bhd (PASB) daripada Penang dan ia berjaya membuka ladang lebih luas dengan masa yang singkat namun KOSMA terpaksa menanggung hutang yang tinggi sehingga terpaksa menjual dua (2) ladang sehingga tinggal 38 ribu ekar daripada keluasan 55 ribu ekar bagi membayar hutang tersebut. Oleh yang demikian, agensi tersebut diberhentikan dan apabila KOSMA menguruskan sendiri, kos meningkat dan pengurusan ladang yang tidak memuaskan untuk beberapa tahun maka KOSMA telah mengambil semula agensi perladangan dengan melantik Budi JS Plantation Management Bhd secara separuh masa sebelum dilantik sepenuh masa.

Khidmat Agensi Perladangan juga menjadi amalan oleh syarikat perladangan yang besar seperti Tabung Haji, Felda Global Venture dan lain-lain. Kos agensi yang dilantik KOSMA boleh dikatakan murah dengan perkhidmatan yang diberikan sangat baik antaranya dari segi pelaporan, pelarasaran kos dan perbelanjaan.

3.16 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** berbalik kepada isu Budi JS :-

- i. Mengapa KOSMA menandatangani perjanjian dengan Budi JS dengan tempoh begitu lama iaitu 5+ 2 dan tidak dua (2) tahun sahaja.
- ii. Berkennaan dengan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Pelaburan yang dianggotai oleh Lembaga berjawatan serta Jawatankuasa Tender yang dianggotai oleh Anggota Lembaga berjawatan serta seorang lagi Anggota Lembaga iaitu Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad. Jadi pada pandangan beliau ini adalah 'conflict power and authority'. Beliau ingin mencadangkan supaya 2 jawatankuasa ini dianggotai oleh 2 komposisi anggota lembaga yang berlainan.
- iii. Seterusnya beliau menyuarakan permintaan anggota supaya agenda 10 dibawa ke hadapan supaya anggota dapat membincangkan lebih awal usul-usul yang dikemukakan.

3.17 **YH Dato' Mohd Mazlan bin Jusoh (Anggota : 1915)** menarik perhatian anggota mengenai perjanjian usahasama Ho Hup.

- i. Beliau berpendapat ia melibatkan implikasi yang tinggi dari segi perbelanjaan dan kewangan KOSMA. Walaupun dalam perjanjian usahama itu KOSMA akan mendapat bayaran RM25 juta namun KOSMA perlu membayar dengan jumlah RM38 juta. Jadi tanah yang berkeluasan 2.0087 ekar Mukim Kuala Kuantan ini merupakan tanah yang amat berharga. Oleh yang demikian cadangan beliau agar buat penilaian dahulu ke atas tanah tersebut serta menyediakan kos analisa dan keuntungan yang dicapai dari tahun ke tahun.
- ii. Bertanya mengenai prospek pada masa akan datang bagi 'market analysis' dari segi hartanah dan juga perhotelan. Sekiranya KOSMA tiada kepakaran maka perlu melantik konsultan bagi tujuan tersebut.

3.18 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan rundingan antara kedua pihak telah lama dibuat dan satu maklumat yang terperinci akan diedarkan kepada anggota.

3.19 **Encik Azman bin Khadith (Anggota : 1374-A)** menyokong cadangan Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah bagi mempercepatkan agenda yang ke 10 untuk perbincangan. Selain itu beliau menyokong supaya KOSMA membuat kajian mengenai Perjanjian Usahasama antara KOSMA dan Ho Hup serta dibentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan.

- 3.20 Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini bersetuju sebulat suara menerima Laporan lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2017.

#### **4.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN – AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA JIKA ADA TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMB**

**ER 2017 – KMA 04/2017**

- 4.1 **Tuan Bendahari mewakili Anggota Lembaga** membentangkan kertas Bil:KMA.04/2016 Menimbang dan Meluluskan :-
- Akaun – akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (muka surat 1-57)
  - Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 KOSMA Holdings Sdn Bhd (muka surat 1-29)
  - Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 KOSMA Tourism Sdn Bhd (muka surat 1-23)
- 4.2 Beliau juga menerangkan pencapaian KOSMA bagi tahun 2017 berdasarkan kepada pembentangan Ringkasan Eksekutif KOSMA bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Dari segi keuntungan bersih sebelum cukai, keuntungan KOSMA bagi tahun 2017 mencapai sebanyak RM79.72 juta berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM60 juta dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 31.5%. Oleh yang demikian Anggota Lembaga mencadangkan pembahagian keuntungan 2017 seperti berikut :-

| <b>PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN</b>                      | <b>2017</b> |
|--|-------------|
| Dividen – 40%                                      | 23,770,700  |
| Dividen Unit Ladang – RM4,000 seunit               | 22,688,000  |
| Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota – 2%        | 787,916     |
| Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian – 3%         | 1,181,874   |
| Kumpulan Wang Tabung Pendidikan – 1%               | 393,958     |
| Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota – 10% | 3,939,581   |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer – 1%                  | 393,958     |
| Kumpulan Wang Tabung Amanah Yayasan KOSMA – 1%     | 393,958     |
| Kumpulan Wang Tabung Persaraan – 2%                | 787,916     |
| Honorarium Lembaga                                 | 545,833     |

- 4.3 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A )** ingin merujuk muka surat 7 berkenaan dengan Kumpulan Wang Tabung Persaraan iaitu sebanyak 2% dan mempersoalkan bagaimana hendak meluluskan peruntukan tersebut sedangkan usul bagi mewujudkan Kumpulan Wang Tabung Persaraan masih belum diluluskan.
- 4.4 **Tuan Bendahari** menjelaskan bahawa yang dibentangkan sebentar tadi iaitu peruntukan untuk Kumpulan Wang Tabung Persaraan sebanyak 2% untuk pegawai-pegawai KOSMA. Yang dibentangkan di dalam usul Anggota Lembaga iaitu Aturan dan cara pengendalian tabung tersebut.

- 4.5 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** yang merupakan seorang akauntan bertauliah berpendapat bahawa laporan kewangan ini tidak lengkap kerana tiada pembentangan mengenai ‘Post balance sheet event’ mengenai perjanjian usahasama Ho Hup yang berlaku selepas tahun berakhir 31 Disember 2017.
- 4.6 **YH Dato’ Sri Pengerusi** menyatakan bahawa KOSMA belum membuat sebarang pembayaran, jadi bagaimana boleh masuk dalam akaun ini sedangkan ia merupakan akaun berakhir 31 Disember 2017.
- 4.7 **Tuan Bendahari** menjelaskan bahawa Perjanjian dengan Ho Hup ditandatangani pada 12 Mac 2018.
- 4.8 **Puan Ng Ai Ling (Anggota : 2617)** menyokong pernyataan dari Encik Krishnan dan menyatakan perlu ada ‘post balance sheet event’ yang merupakan keperluan di dalam penyata kewangan bagi melihat apa yang terjadi dahulu dan sekarang. Beliau yakin Juruaudit Luar KOSMA juga mempunyai pandangan yang sama.
- 4.9 **Encik Khairul Azahar Ariffin, dari firma Juruaudit Luar Tetuan Attaas** memberi penjelasan mengenai perkara yang dibincangkan iaitu mengenai ‘post balance sheet event’. Dalam pembentangan oleh Koperasi dan untuk pengesahan kepada Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ianya mengikut garis panduan GP24. Walau bagaimanapun bagi tahun 2017 perkara tersebut masih belum berlaku dan tidak memberi kesan kepada akaun itu untuk sementara waktu. Namun benar seperti yang diperkatakan supaya anggota mendapat tahu apa-apa transaksi yang dibuat setelah akaun ditutup. Namun pada pandangan beliau ia tidak merosakkan akaun tersebut yang telah dihantar kepada SKM dan telah disahkan oleh pegawai penyelia mereka serta dibentangkan di dalam mesyuarat hari ini.
- 4.10 **Puan Norfini binti Saad (No Anggota : 0098-A)** juga menyokong apa yang dibangkitkan oleh Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan, dan menyatakan dari segi perundungan, anggota sepatutnya dimaklumkan sebelum satu perjanjian ditandatangani lebih-lebih jika ia melibatkan kos yang besar.
- 4.11 **YH Dato’ Sri Pengerusi** menyatakan apa yang dibuat adalah mengikut peruntukan Akta. Beliau merujuk kepada Seksyen 44 Akta Koperasi - Tugas-tugas dan Kuasa Lembaga.
- (1) Lembaga sesuatu koperasi hendaklah mewakili koperasi itu di hadapan semua pihak berkuasa awam yang berwibawa dan dalam semua urus niaga dan transaksi dengan orang ketiga, hendaklah mempunyai kuasa untuk memulakan atau membela guaman yang dibawa atas nama koperasi itu dan, pada umumnya, hendaklah mengarahkan, menguruskan dan mengawasi urusan atau aktiviti, kumpulan wang dan harta koperasi itu, dan hendaklah menjalankan segala kuasa yang perlu untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan yang sepenuhnya.

Malah KOSMA telah mendapatkan khidmat peguam Tetuan Zainur Zakaria & Co bagi menjalankan rundingan bersama pihak Ho Hup dari awal sehingga dan telah membuat kajian secara terperinci selama lebih kurang empat (4) tahun. Apabila projek tersebut telah dilaksanakan maka KOSMA akan bentangkan maklumat tersebut.

- 4.12 Di atas cadangan yang dikemukakan oleh **YH Dato' Hajji Abdul Aziz bin Abdullah (Anggota : 2324)** dan mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima pembentangan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.

## **5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN BELANJAWAN 2018 DAN ANGGARAN BELANJAWAN 2019 – KMA 05/2017**

- 5.1 **YH Dato' Timbalan Pengerusi** membentangkan kertas Bil KMA 05/2017 bagi menimbang dan meluluskan pindaan belanjawan 2018 dan anggaran belanjawan tahun 2019 ( muka surat 90-105). Jumlah keseluruhan bagi pindaan belanjawan 2017 dan anggaran belanjawan 2018 adalah seperti berikut :-
- LAMPIRAN A - Pindaan belanjawan untung rugi koperasi 2018 dan belanjawan untung rugi koperasi 2019.
  - LAMPIRAN B - Pindaan belanjawan untung rugi Ladang 2018 dan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2019.
  - LAMPIRAN C - Pindaan belanjawan aset tetap Ibu pejabat dan Ladang bagi 2018 dan belanjawan aset tetap Ibu Pejabat dan Ladang 2019.
- 5.2 **Encik Ab. Gafa bin Keme (Anggota : 1961)** mohon Anggota Lembaga mengikut peraturan dan kehendak anggota yang ingin mendapatkan penjelasan lanjut. Beliau berharap Anggota Lembaga tidak menganggap mereka berkuasa sepenuhnya kerana itu bukan caranya.
- 5.3 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjawab apa yang beliau maksudkan adalah sekarang pembentangan mengenai kewangan biarlah dibincangkan perkara mengenai kewangan. Perkara-perkara lain boleh dibincangkan kemudian seperti isu berkaitan Ho Hup dan sebagainya.
- 5.4 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** merujuk Laporan dan Penyata Kewangan muka surat 6 KOSMA Tourism Sdn Bhd yang ditandatangani oleh Haji Shamsul Anuar bin Hussin. Beliau mendapat maklumat bahawa individu tersebut merupakan pekerja KOSMA namun telah disabitkan dengan Undang-undang kerana beberapa kesalahan di Mahkamah baru-baru ini. Beliau mohon penjelasan mengenai apa yang berlaku.
- 5.5 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan kakitangan tersebut menandatangani laporan ini sewaktu beliau masih belum disabitkan kesalahan tersebut. Kes ini baru berlaku sebulan yang lepas, oleh yang demikian nama beliau masih ada di dalam laporan kewangan bagi tahun 2017. Selepas ini, KOSMA akan mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ada malah di peringkat awal lagi KOSMA telah menghantar surat pada beliau bagi memberi penjelasan mengenai perkara tersebut. Atas nasihat peguam KOSMA juga telah mengeluarkan surat tunjuk sebab yang perlu dijawab oleh beliau dalam tempoh 21 hari. KOSMA akan mengambil tindakan selanjutnya berdasarkan kepada maklum balas dari beliau kelak, dan akan merujuk semula peguam samada perlu prosiding siasatan dalaman atau boleh terus membuat keputusan penamatkan kerja. Prosedur dan peraturan sedia ada perlu diikuti bagi mengelakkan KOSMA didakwa di Mahkamah Industri kelak.
- 5.6 **YH Dato' Setiausaha** menjelaskan lebih lanjut mengenai tandatangan oleh Encik Shamsul Anuar bin Hussin iaitu pada 23 Mac 2018 manakala dia telah dijatuhkan hukuman pada 26 Mac 2018, oleh itu pada tarikh tersebut beliau masih belum bersalah.

- 5.7 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** meluahkan rasa tidak puas hati atas penerangan tersebut dan menegaskan sebaik sahaja kes itu bermula sepatutnya beliau digantung dari jawatan. Beliau mohon penerangan lanjut berkenaan dengan kes tersebut.
- 5.8 **YH Dato' Setiausaha** memaklumkan mengenai kronologi tersebut iaitu bermula pada bulan Mac 2016 dan ketika itu beliau hanya disoal siasat. Selepas itu pada bulan Julai 2017, SPRM memaklumkan bahawa dia tidak disabitkan dengan apa-apa pertuduhan dan wang jaminan juga telah dipulangkan balik maka KOSMA beranggapan tiada kes pada ketika itu. Tetapi pada 25 Mac 2018, beliau telah dipanggil semula oleh SPRM, dikenakan pertuduhan mengikut seksyen 417, Akta SPRM dan pada hari yang sama terus didenda sebanyak RM30 ribu, iaitu RM10 ribu bagi setiap kesalahan (3 kesalahan). Pengurusan telah mengambil tindakan mengeluarkan memo melarang beliau bagi menandatangani sebarang dokumen rasmi KOSMA sementara menunggu keputusan dari Mahkamah yang masih belum diterima sehingga kini.

Pada 28 Mac 2018, KOSMA telah mohon penjelasan dari beliau sendiri apa yang telah berlaku. Pada 10 April 2018 KOSMA telah mendapat surat penjelasan daripada SPRM mengenai status beliau. Seterusnya pada 30 Mac 2018 penjelasan beliau telah diterima diikuti dengan surat tunjuk sebab daripada KOSMA. Maklum balas bagi surat tunjuk sebab tersebut diterima pada 25 April 2018. Seterusnya KOSMA telah mengarahkan beliau bercuti pada 23 Mei 2018 dan sehingga kini KOSMA masih menunggu keputusan dari mahkamah. Bila diterima kelak tindakan akan diambil di peringkat KOSMA berdasarkan kepada garis panduan Buku Peraturan dan Syarat-syarat Perkhidmatan.

- 5.9 **Puan Norfini binti Saad (No Anggota : 0098-A)** yang merupakan seorang bekas majistret, menyatakan bahawa perkara ini tidak mengaibkan beliau oleh kerana ia telah tersiar di dalam akhbar dan beliau telah membuat pengakuan bersalah, dikenakan denda serta telah dijatuhkan hukuman. Oleh yang demikian di peringkat mahkamah perkara ini telah selesai. Secara lazimnya, sebagai pekerja samada syarikat Berhad atau Sdn Bhd sekiranya individu telah disabitkan dengan kesalahan jenayah beliau sepatutnya telah digantung atau ditamatkan perkhidmatan. Beliau menimbulkan kerisauan iaitu perkara ini boleh menjadi tohmahan bahawa Anggota Lembaga telah melakukan 'mala fide'.
- 5.10 Berdasarkan kepada penerangan YH Dato' Setiausaha, **Encik Krishnan Johan A/L P. Trinivahan (Anggota : 0525-A)** mohon penjelasan lanjut mengapa pada 23 Mac 2018 Pengurus Kewangan tersebut masih menandatangani laporan ini sedangkan telah dimaklumkan bahawa beliau dilarang menandatangani sebarang dokumen rasmi KOSMA.
- 5.11 **YH Dato' Setiausaha** menerangkan perakuan berkanun ini ditandatangani pada 23 Mac 2018 sedangkan beliau dijatuhi hukuman pada 26 Mac 2018.
- 5.12 **Encik Badaruddin bin Mokhtar (Anggota : 2393)** meluahkan ketidakpuasan hati beliau mengenai beberapa perkara :-
- Menyatakan anggota sepatutnya dimaklumkan mengenai perkara ini. Anggota berhak tahu apa yang berlaku di dalam KOSMA dan apa sahaja laporan perlulah dimasukkan di dalam Buku Laporan Tahunan. Tambah beliau sepatutnya orang yang dituduh tidak boleh menandatangani sebarang dokumen kerana ia melibatkan kes penyalahgunaan kuasa dan telah didenda maka secara automatik jawatan dan keanggotaannya boleh dilucutkan.

- ii. Masih berkenaan dengan Ho Hup, beliau menegaskan jangan sewenangnya menggunakan duit anggota dan ia sepatutnya diagihkan kepada anggota yang kemungkinan boleh mendapat dividen lebih dari RM4,000 seunit.
- 5.13 **YH Dato' Setiausaha** menjelaskan memanglah beliau merupakan seorang kontraktor tapi had kontrak beliau hanya RM10 juta ke bawah dan di KOSMA beliau hanya membantu dari segi pelaksanaan kerja-kerja kontrak seperti pembinaan jambatan dan perumahan. Ini merupakan projek bernilai RM180 juta yang telah dibuat kajian selama empat (4) tahun.
- 5.14 **Encik Badaruddin bin Mokhtar (Anggota : 2393)** memaklumkan bahawa Kerajaan juga mempunyai had dan peringkat bagi prosedur mengeluarkan tender. Adalah tidak berapa kena sekiranya orang yang mengurus dan terlibat dengan tender terdiri dari orang yang sama. Ini kerana ia melibatkan duit berpuluhan-puluhan juta dan ia boleh memberi kesan kepada anggota.
- 5.15 **YH Dato' Sri Pengerusi** menegaskan bahawa jika hendak mengemukakan pertanyaan, tanya betul-betul kerana perkara yang dinyatakan tadi merupakan satu tuduhan.
- 5.16 Berbalik kepada perkara mengenai Ho Hup dan berdasarkan Seksyen 54 Akta, **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** memaklumkan '*tiada koperasi boleh membuat pelaburan dalam bidang harta tanah kecuali aktiviti utamanya adalah harta tanah namun terdapat pengecualian iaitu berdasarkan kepada tiga (3) syarat iaitu Kelulusan Anggota Lembaga, Mesyuarat Agung serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia.*' Antara syarat oleh SKM, KOSMA perlu bentangkan skop dan had pelaburan dan bukan sekadar minta peruntukan RM50 juta seperti agenda 7 bagi projek secara usahasama tersebut. Bagi mengelakkan pertikaian maklumat tersebut, sepatutnya dibentangkan dari segi aliran wang dan keuntungannya kepada KOSMA. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar projek ini ditangguhkan atau KOSMA mengadakan Mesyuarat Agung Khas bagi membentangkan mengenai projek Ho Hup tersebut.
- 5.17 **Tuan Bendahari** menjelaskan :-
- Berdasarkan kepada **Seksyen 54A. Pelaburan dalam harta tak alih**  
*(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi sesuatu koperasi jika -  
(b) perniagaannya melibatkan pemerolehan, pelaburan dalam atau penjualan harta tak alih;  
(c) pemerolehan, pemegangan atau pelaburan suatu harta tak alih itu adalah perlu bagi maksud perjalanan perniagaannya; atau*
  - Keduanya, Undang-undang Kecil KOSMA juga membenarkan pembelian Harta Tak Alih bagi tujuan usahasama ;
  - Akhirnya, tiap-tiap pelaburan yang menggunakan wang lebihan seperti di dalam agenda 7 iaitu Had Pelaburan yang perlu dibentangkan setiap tahun iaitu berjumlah RM50 juta. Bagi projek ini jumlah yang terlibat ialah sebanyak RM13.5 juta sahaja yang mana masih belum digunakan lagi. Oleh yang demikian pelaburan tersebut mendapat pengecualian dan tidak memerlukan kelulusan SKM.
- 5.18 **Kapten Rajendiran A/L Duraisamy (1862-A)**,
- Berdasarkan kepada ucapan Pengerusi, KOSMA anggarkan nilai tanah Mukim Kuala Kuantan tersebut bernilai RM12 juta berbeza dengan anggaran Ho Hup iaitu bernilai RM25 juta. Beliau mohon penjelasan mengapa penilaian tersebut ada perbezaan.

- ii. Berbalik kepada isu laporan kewangan yang ditandatangani oleh Pegawai yang disabitkan dengan kesalahan, pandangan beliau, sekiranya terdapat kes melibatkan seorang anggota atau orang yang memegang jawatan dia tidak perlu dilucutkan namun pengurusan perlu mengarahkan beliau untuk bercuti sehingga kes tersebut tamat walaupun ia mengambil masa yang lama.
  - iii. Berkemaan dengan perkara 4.8.3 iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti, beliau menyatakan mengenai laporan oleh Task Force – Unit Pengurusan Risiko dan tidakkah perkara seperti di para (ii) adalah suatu risiko.
  - iv. Berkaitan isu Ho Hup beliau mempersoalkan adakah semua Anggota Lembaga bersetuju dengan projek tersebut atau hanya sebahagian sahaja.
- 5.19 **YH Dato' Sri Pengerusi** mengulangi bahawa KOSMA akan memberi maklumat secara terperinci dan akan diedarkan dengan segera. Beliau melahirkan rasa kesal kerana perkara ini digembargemburkan sedangkan sebarang pembayaran masih belum dibuat.
- 5.20 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** menyuarakan kebimbangan bahawa Anggota Lembaga akan melakukan sesuatu tanpa persetujuan anggota. Beliau bersetuju dengan cadangan **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah** bagi membentangkan perkara ini di Mesyuarat Agung Tahunan.
- 5.21 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa KOSMA mengikut garis panduan berdasarkan Akta Koperasi. Pemahaman dari segi guaman, kewangan dan sebagainya sudah pasti berbeza. Bagi mengadakan mesyuarat agung tahunan khas, ia sudah tentu memakan kos berjuta ringgit. Beliau dengan tegas menyatakan bahawa semua ini merupakan hak koperasi dan beliau hanya diamanah untuk menguruskan. Malah KOSMA ini lain dari koperasi yang lain. Walau bagaimanapun beliau mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang baik namun beliau tidak setuju dengan kritikan yang melampau seolah-olah pengurusan KOSMA tidak membuat kerja langsung.
- 5.22 **Tuan Haji Saharuddin @ Shaharuddin bin Idris (Anggota : 2353)** bersetuju dengan pandangan dari anggota dan memaklumkan bahawa pandangan-pandangan tersebut bertujuan untuk mengelakkan KOSMA dari tersalah langkah.
- 5.23 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa pandangan yang baik diterima namun beliau menolak penyataan berunsur tuduhan.
- 5.24 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** mohon penelitian semula mengenai kertas kerja Agenda 7 Kumpulan Wang Persaraan yang merupakan peruntukan dan peraturan. Beliau berpendapat supaya aturan ini diluluskan terlebih dahulu sebelum membuat peruntukan.
- 5.25 **Tuan Bendahari** menjelaskan bahawa dalam laporan kewangan tadi merupakan peruntukan sahaja. Bagi Agenda 10.1 - Mewujudkan Kumpulan Wang dan Aturan Kumpulan Wang Persaraan hanya dinyatakan aturan-aturan untuk mengendalikan Kumpulan Wang tersebut serta tidak dinyatakan cara perkiraannya.
- 5.26 **Encik Khairul Azhar Ariffin, dari Tetuan Aftaas, Juruaudit Luar** menjelaskan bahawa persoalan yang dibangkitkan mengenai peruntukan Tabung Wang Persaraan hanya merupakan

satu peruntukan. Beliau mengambil contoh peruntukan dividen sebanyak 40% yang telah diluluskan, sekiranya peruntukan tersebut hanya lulus 10% oleh SKM, baki 30% tadi akan dibuat penyelarasan kembali pada tahun hadapan. Dalam perkara tersebut, anggota perlu memahami garis panduan oleh SKM.

5.27 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** mohon pencerahan bagaimana perkiraan mengenai jumlah peruntukan bagi Kumpulan Wang Tabung Persaraan iaitu sebanyak RM787,916 tersebut.

5.28 **Tuan Bendahari** menjawab, ia merupakan 2% daripada jumlah keuntungan seperti 'launching grant' untuk Tabung Persaraan.

5.29 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** masih tidak berpuas hati dengan penjelasan tersebut dan menyatakan kurang sesuai sekiranya cara perkiraannya tidak dinyatakan di sini. Cadangan tersebut merupakan cadangan yang baik namun, perlaksanaannya perlu dilaksanakan dengan betul.

5.30 **Tuan Bendahari** merujuk Skim Perkhidmatan KOSMA :-  
**Perkara 53. Pemberian Istimewa Persaraan.**

*KOSMA boleh memberi 'Pemberian Istimewa Persaraan' kepada kakitangan yang bersara wajib (genap umur 60 tahun) dengan perkhidmatan melebihi 15 tahun mengikut formula berikut; Gaji Akhir x 18 bulan.*

Namun setakat ini KOSMA masih belum mewujudkan sebarang tabung untuk tujuan tersebut. Malah setakat ini sudah terdapat tiga (3) orang kakitangan telah bersara. Oleh yang demikian Anggota Lembaga bersetuju untuk mencadangkan tabung tersebut dengan peruntukan 2 % bagi tahun kewangan 2017 dan 1 % untuk masa akan datang. Kadar bayaran akan dibincangkan bersama Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tata tertib dengan mengambilkira skim-skim yang digunakan oleh syarikat perladangan yang lain.

5.31 **YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad (Anggota : 2584)** mencadangkan perkara Tabung persaraan diluluskan dengan dua (2) syarat iaitu syarat pertama ia perlu tertakluk kepada kelulusan Kumpulan Wang Persaraan. Syarat yang kedua perlu diluluskan oleh mesyuarat agung dan juga pihak SKM oleh kerana skim persaraan ini merupakan perkara baru iaitu persaraan untuk pegawai di bawah akta koperasi. Maksud pegawai itu ialah Anggota Lembaga dan setahu beliau belum ada koperasi melaksanakan skim persaraan untuk Anggota Lembaga kecuali dilaksanakan untuk kakitangan.

5.32 Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju meluluskan cadangan Menimbang dan Meluluskan Pindaan Belanjawan 2018 dan Anggaran Belanjawan 2019 dengan pindaan.

## **6.0 MELULUSKAN ELAUN - ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH KEPADA SUBSIDIARI KOPERASI – KMA 06/2017**

6.1 **Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad** mewakili Anggota Lembaga membentangkan Kertas Bil-KMA 06/2017 iaitu bagi Meluluskan Elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit

Dalaman, Jawatankuasa-Jawatankuasa dan Saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah kepada Subsidiari Koperasi (muka surat 106-107).

6.2 Jadual kadar elauan-elauan yang dibentangkan adalah seperti berikut :

| <b>JENIS<br/>ELAUN</b>                   | <b>ANGGOTA<br/>LEMBAGA<br/>RM</b>  | <b>JAWATANKUASA<br/>AUDIT DALAMAN<br/>RM</b>   | <b>SUBSIDIARI/<br/>JAWATANKUASA<br/>RM</b> |
|--|--|--|--|
| Elaun Mesyuarat                          | 1000.00  | 500.00   | 500.00                                     |
| Elaun Tugas Rasmi/<br>Kerja              | 200.00   | 100.00   | 100.00                                     |
| Elaun Telefon                            | <b>Pengerusi</b><br>RM350.00<br><b>Timbalan</b><br>RM300.00<br><b>Setiausaha</b><br>RM300.00<br><b>Bendahari</b><br>RM300.00<br><b>Anggota</b><br>RM200.00 | <b>Pengerusi</b><br>100.00<br><b>Setiausaha</b><br>100.00                            | -  |
| Perubatan                                | <b>ALK</b><br>-Hospitalisasi<br>(insurans)<br>-Had rawatan<br>sakit luar<br>RM5,000  | <b>JKAD</b><br>-Hospitalisasi<br>(insurans)<br>-Had rawatan<br>sakit luar<br>RM2,500 | -  |
| Elaun Semasa Kursus                      | -  | -  | -  |
| Bayaran Saguhati<br>Persidangan          | Tertakluk kepada<br>kadar yang<br>ditetapkan Kerajaan<br>dari masa ke masa   | Tertakluk kepada<br>kadar yang<br>ditetapkan Kerajaan<br>dari masa ke masa           |  |
| Elaun Bertugas di<br>Luar Negara         | Ikut kadar elauan<br>kerja/luar kawasan  |  |  |
| Elaun Hadir<br>ke mahkamah<br>(disapina) | Ikut kadar elauan<br>kerja/luar kawasan  |  |  |

| JENIS<br>ELAUN                | ANGOTA<br>LEMBAGA<br>RM  | JAWATANKUASA<br>AUDIT DALAMAN<br>RM                              | SUBSIDIARI/<br>JAWATANKUASA<br>RM                                |
|-------------------------------|--|--|--|
| Elaun Makan                   | 150.00   | 80.00  | 80.00  |
| Elaun Harian                  | 75.00  | 40.00  | 40.00  |
| Elaun Perjalanan<br>Kenderaan | 0.85/km  | 0.75/km  | 0.75/km  |
| Penginapan                    | Dengan Resit<br>(tidak lebih)<br>400.00<br>Tanpa Resit<br>200.00 | Dengan Resit<br>(tidak lebih)<br>250.00<br>Tanpa Resit<br>100.00 | Dengan Resit<br>(tidak lebih)<br>250.00<br>Tanpa Resit<br>100.00 |

6.3 **Puan Norhamimi binti Nong Chik (No.Anggota:0325-A)** merujuk kepada perkara berkaitan perbelanjaan Anggota Lembaga seperti berikut :-

- a) Nota 20, Honorarium Lembaga berjumlah RM545,833.00 ;
- b) Perbelanjaan Anggota Lembaga, elaun mesyuarat dan elaun kerja di Nota 38 - Perbelanjaan Lembaga berjumlah RM315,150 ;
- c) Bayaran Insurans Anggota Lembaga dan Juruaudit Dalamam di Nota 37 - berjumlah RM124,956 dan Perbelanjaan perjalanan dan penginapan Anggota Lembaga berjumlah RM365,944. Jumlah keseluruhan bagi perbelanjaan tersebut adalah RM1,351,883.

Beliau menambah bahawa semua perbelanjaan ini tertakluk kepada cukai pendapatan dan semua Anggota Lembaga perlu mengisytiharkan pendapatan masing - masing kerana tiada had umur yang ditetapkan untuk membayar cukai pendapatan.

6.4 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa sebagai Majikan, KOSMA telah mengeluarkan Borang EA kepada semua kakitangan dan Anggota Lembaga.

6.5 Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima kertas yang dibentangkan tersebut.

## 7.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIAYAI OLEH WANG LEBIHAN KOPERASI INI – KMA.07/2017

7.1 **YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif** mewakili Anggota Lembaga, membentangkan Kertas Bil KMA.07/2017 bagi menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh Wang Lebihan Koperasi untuk memberi kuasa kepada Lembaga KOSMA mengenai had pelaburan sejumlah RM50 Juta menurut Fasal (2) Undang-Undang Kecil 66 :-

- i. Mana - mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara atau mana - mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- ii. Syer mana - mana koperasi lain ;
- iii. Secara usahasama tertakluk peruntukan Seksyen 54 Akta Koperasi 1993;

- iv. Apa – apa pelaburan dan sekuriti lain pada masa ini dibenarkan di bawah mana – mana Undang – undang bertulis bagi Wang Amanah ; atau
  - v. Lain – lain pelaburan atau kegiatan yang dibenarkan oleh Undang – undang Kecil.
- 7.2 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa KOSMA tidak pernah membuat pinjaman / hutang dengan mana - mana bank dan institusi kewangan. Agenda ini perlu dibentangkan mengikut dasar yang telah dikeluarkan oleh SKM.
- 7.3 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (No.Anggota : 0921-A)** mencadangkan agar agenda ‘Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai oleh Wang Lebihan Koperasi ini’ dibuat secara undian angkat tangan. Jawatankuasa Audit Dalamans KOSMA juga telah dilantik sebagai pengira undi (secara angkat tangan), maka tiada masalah yang akan timbul.
- 7.4 **Puan Puteri Ruziyana binti S'aban (No.Anggota : 2200)** menegaskan bahawa undian secara angkat tangan haruslah melibatkan anggota KOSMA sahaja.
- 7.5 **Encik Azman bin Khadith (No.Anggota:1374-A)** berpendapat bahawa agenda ini perlu dibuat secara angkat tangan dan bukan melalui suara supaya keputusan yang diterima lebih tepat.
- 7.6 **Tuan Haji Ibrahim Bin Kasah**, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang memaklumkan keputusan undian tersebut.
- i. Bersetuju - 214 orang
  - ii. Tidak bersetuju - 222 orang
- 7.7 **YH Dato' Sri Pengerusi** memaklumkan bahawa agenda yang dibentangkan adalah mengikut Akta Koperasi, dan semua Koperasi yang ada diseluruh Malaysia menggunakan Akta tersebut dan bukannya tertakluk semata-mata kepada KOSMA. Bagi tahun ini, agenda 7 tidak diluluskan dan dengan ini apa-apa bentuk pelaburan baru selepas ini yang menggunakan wang lebihan koperasi adalah tidak dapat dijalankan.
- 7.8 Maka dengan ini, koperasi tidak boleh melabur dengan mana – mana pelaburan/ institusi – institusi Kewangan bagi sessi 2018/2019.

## **8.0 MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI. – KMA. 08/2017**

- 8.1 **Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin** membentangkan agenda Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi – KMA 08/2017 (Muka Surat 109). Beliau memaklumkan bahawa tujuan kertas ini dibentangkan adalah untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung bagi memberi kebenaran kepada Lembaga untuk mendapatkan pinjaman tambahan tidak melebihi RM50 juta sekiranya perlu daripada mana – mana institusi kewangan berdaftar.
- 8.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan had maksimum keterhutangan Koperasi tidak melebihi RM50 juta, sekiranya perlu, daripada mana-mana institusi kewangan berdaftar.

**9.0 MELULUSKAN PERLANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA EMPAT FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018. – KMA 09/2017**

- 9.1 **YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** mewakili Anggota Lembaga membentangkan kertas KMA 09/2017 iaitu meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada lima firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. (Muka Surat 110).
- 9.2 Beliau juga menerangkan bahawa tuntutan untuk mengaudit akaun koperasi juga termaktub di dalam seksyen 61 Akta Koperasi 1993 iaitu '**keperluan untuk membentangkan dan meluluskan oleh Mesyuarat Agung sesebuah koperasi juga termaktub Dalam Peraturan 12(1)(g) Peraturan – peraturan Koperasi 1995**', manakala di dalam Undang-Undang Kecil KOSMA adalah berdasarkan kepada UUK 73. Maka beliau bagi pihak Anggota Lembaga KOSMA mengemukakan suatu panel yang terdiri daripada :
- i. Afrizan Tarmili Khairul Azhar
  - ii. McMillan Woods Thomas
  - iii. Ernst & Young
  - iv. Price Waterhouse Coopers
  - v. KPMG Desa Megat & Co
- 9.3 **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (No.Anggota : 0969)** berpendapat supaya anggota memberi kuasa sepenuhnya kepada Anggota Lembaga untuk melantik mana – mana satu Panel Juruaudit Luar yang dibentangkan.
- 9.4 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (No.Anggota : 0921 A)** bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong**. Bagi menentukan kesinambungan, beliau mencadangkan supaya Juruaudit Luar sedia ada dilantik semula bagi tempoh 2-3 tahun.
- 9.5 Di atas cadangan **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (No. Anggota :0969)** dan disokong oleh **Encik Azaham Shah bin Badrillah (No.Anggota:0921A)** mesyuarat sebulat suara bersetuju mengekalkan dan memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk membuat keputusan tersebut.

**10.0 USUL ANGGOTA LEMBAGA BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE-36 KMA 10/2017**

**10.1 - USUL ANGGOTA LEMBAGA**

**10.2 - USUL-USUL ANGGOTA**

**10.1 USUL ANGGOTA LEMBAGA**

**USUL PERTAMA : MEWUJUDKAN KUMPULAN WANG DAN ATURAN KUMPULAN WANG PERSARAAN**

- i. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Abdul Aziz mewakili Anggota Lembaga membentangkan Kertas KMA.10.1/2017 (muka surat 111-113) iaitu bagi mendapatkan kelulusan dan pertimbangan anggota – anggota KOSMA bagi perkara berikut :-
  - a. Mewujudkan Kumpulan Wang dan Aturan Kumpulan Wang Persaraan

- ii. Tujuan Mewujudkan Kumpulan Wang dan Aturan Kumpulan Wang Persaraan tersebut diadakan adalah untuk;
  - Bagi menyediakan suatu peruntukan wang bagi membolehkan koperasi memberikan ganjaran kepada Pegawai Koperasi yang layak di bawah Aturan ini.
- iii. Tafsiran dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:-
  - a) 'Koperasi' ertinya Koperasi Serbausaha Makmur Berhad
  - b) 'Lembaga' ertinya badan pengelola Koperasi yang dilantik menurut Undang - undang Kecil 35 Koperasi;
  - c) 'Pegawai' ertinya seorang, pengurus, setiausaha, bendahari atau mana - mana anggota lain Lembaga dan termasuklah;-
    - 1. Ketua pegawai eksekutif
    - 2. Mana - mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, peraturan - peraturan atau perintah atau undang - undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi itu; atau
    - 3. Mana - mana pekerja;
- iv. Sumber Kewangan bagi melaksanakan Kumpulan Wang ini diperoleh daripada;-
  - a. Peruntukan kewangan bersih Koperasi ini yang diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan menurut undang - undang kecil 68(2)(d) Koperasi ini; dan
  - b. Pulangan daripada pelaburan wang Kumpulan Wang Ini.

Beliau menambah, sekiranya usul ini diluluskan maka, Lembaga akan membuat perbincangan untuk meneliti beberapa pindaan yang akan dilakukan dalam UUK KOSMA dan Peraturan - peraturan Perkhidmatan Kakitangan KOSMA dengan mewujudkan jadual - jadual khas berhubung perkara ini.

- v. **YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad (No. Anggota:2584)** menyambung apa yang diperkatakan sebelum ini iaitu dibawah agenda 'Pembahagian Keuntungan'. Beliau menegaskan bahawa setiap Kumpulan Wang yang hendak ditubuhkan haruslah mempunyai Aturan oleh kerana ianya merupakan perlombagaan yang akan mengawal kumpulan wang amanah tersebut. Setiap aturan yang ditubuhkan haruslah mempunyai perkara dasar dan siapa yang akan mendapat manfaat tersebut.

Beliau menjelaskan bahawa takrif 'pegawai' tidak boleh digunakan oleh kakitangan dan dalam aturan tersebut, ia lebih merujuk kepada Anggota Lembaga. Tambah beliau sesuatu aturan yang hendak ditubuhkan perlulah maklum mengenai perkara dasar antaranya jumlah kakitangan, tahun berkhidmat, kadar yang harus dibayar dan sebagainya. Kakitangan yang hendak menerima wang amanah ini perlu memenuhi kelayakan yang telah ditetapkan. Beliau menjelaskan lagi bahawa Aturan yang dibentangkan ini tidak lengkap kerana tidak menyatakan perbelanjaan dan kewangan yang diperuntukkan bagi Kumpulan Wang Persaraan ini.

- vi. **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (No.Anggota:0525-A)** bersetuju dengan penerangan takrif seperti yang dijelaskan oleh YH Dato' Shahbudin.
- vii. **YH Dato' Haji Zainal bin Hassan (No.Anggota:1860)** turut menyokong dengan pandangan daripada YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad sebentar tadi. Beliau

berpendapat bahawa setiap perkara yang hendak dibawa ke Mesyuarat Agung hendaklah dibincangkan dahulu di peringkat Mesyuarat Anggota Lembaga dan beliau inginkan kepastian adakah perkara ini dibincangkan terlebih dahulu oleh semua Lembaga sebelum dibentangkan. Tambahan beliau lagi, tidak pernah mana-mana Koperasi mewujudkan Kumpulan Wang dan Aturan Kumpulan Wang Persaraan kepada Anggota Lembaga. Anggota Lembaga hanya merupakan jawatan kehormat dan menerima bayaran honorarium serta bayaran tugas rasmi sahaja. Beliau mencadangkan agar usul ini digugurkan atau ditangguhkan.

- viii. **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Lembaga untuk dibincangkan sebelum dibawa ke Mesyuarat Agung.
- ix. **YH Dato' Haji Zainal bin Hassan (No. Anggota: 1860)** ingin mendapat kepastian sekali lagi, adakah perkara ini pernah dibincangkan dalam mesyuarat lembaga dan meminta Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad atau YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif menjelaskan persoalan ini.
- x. **Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad** memberitahu bahawa perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Lembaga untuk diperbincangkan.
- xi. **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa wang persaraan ini bukanlah seperti pencegah tapi ianya adalah sebagai satu ganjaran / pampasan kepada kakitangan dan Anggota Lembaga yang telah lama berkhidmat kepada KOSMA. Tiga (3) orang kakitangan KOSMA telah bersara namun masih belum mendapat apa-apa ganjaran daripada KOSMA kerana tabung ini belum diwujudkan. Beliau menjelaskan tafsiran 'Pegawai' ertiannya seorang Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau mana - mana anggota lain Lembaga dan termasuklah:
  - i. Ketua pegawai eksekutif
  - ii. mana - mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, peraturan - peraturan atau perintah atau undang- undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi itu; atau
  - iii. mana - mana pekerja
- xii. **Puan Ng Ai Ling (No. Anggota: 2617)** mencadangkan agar usul ini ditangguhkan dan perlu dibincangkan dengan lebih teliti. Beliau menjelaskan bahawa, jika sesebuah Koperasi hendak menubuhkan tabung wang persaraan, seharusnya koperasi perlu menentukan pelan caruman serta cara pengiraan persaraan.
- xiii. **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan sekali lagi bahawa tabung persaraan ini bagi memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang telah berbakti berbelas dan berpuluh tahun kepada KOSMA. Tiga orang pekerja telah bersara dan tidak diberi apa - apa pampasan kerana tabung persaraan tidak diwujudkan lagi. Beliau menambah, kelulusan Tabung Wang Saran ini hanya kepada pekerja, dan bahagian Anggota Lembaga di keluarkan.
- xiv. **YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif** berpendapat bahawa, usul ini sangat sensitif kepada Anggota Lembaga kerana ia bukan satu kelaziman, selaku Anggota Lembaga, beliau menarik diri dalam Aturan Kumpulan Wang Persaraan dan hanya mencadangkan untuk diluluskan kepada kakitangan sahaja.

- xv. **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (No.Anggota: 2785)** bersetuju dengan Aturan Kumpulan Wang Persaraan ini hanya diluluskan kepada kakitangan.
- xvi. Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul yang dibentangkan ini tetapi diluluskan kepada kakitangan sahaja.

## 10.2 USUL-USUL ANGGOTA

**Dato' Timbalan Pengerusi** menjelaskan bahawa Lembaga telah menerima lima (5) usul daripada anggota. Semua usul yang diberikan oleh anggota KOSMA telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Usul dan telah diteliti kesemuanya.

- 10.2.1 **USUL DITERIMA UNTUK KAJIAN LANJUT**  
**PENCADANG : ENCIK AZAHAM SHAH BIN DATO' BADRILLAH (ANGGOTA : 0921-A)**  
**PENYOKONG : YH DATO' ZAMRI BIN MOHAMED (ANGGOTA : 2247)**

### **USUL PERTAMA : PINDAAN UNDANG – UNDANG KECIL KOSMA BAHAGIAN 4 KEANGGOTAAN, FASA 18 (5) – PENAMA**

- i. Seterusnya usul pertama yang diterima adalah **Pindaan Undang – undang Kecil KOSMA Bahagian 4 Keanggotaan, Fasa 18 (5) – Penama**. Usul ini diputuskan diterima untuk kajian lanjut, kerana usul ini bercanggah dengan Akta dan UUK KOSMA. Perkara ini perlu dipinda diperingkat KOSMA dahulu seterusnya sebelum ke peringkat SKM namun haruslah tidak bercanggah dengan Akta. KOSMA akan merujuk kepada SKM bagi mendapatkan penjelasan.

Pengecualian mengikut seksyen 87 boleh dibuat demi kepentingan perkembangan koperasi pada amnya. Disebabkan itu, perlu ada justifikasi yang jelas untuk meminda UUK 11 (2) (c) memandangkan penerimaan menjadi anggota mengikut UUK 15 adalah dalam bidang kuasa Lembaga sama ada menerima atau menolak tanpa menyatakan sebabnya.

- ii. **Encik Azaham Shah bin Badrillah (No.Anggota: 0921-A)** menyatakan bahawa, sementara perkara ini mendapat kelulusan daripada SKM dan juga perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, beliau mengharapkan agar penama – penama (waris) yang membuat permohonan tidak ditolak dan KOSMA perlu menawarkan kembali keanggotaan yang tidak diluluskan sebelum ini.
- iii. **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (No.Anggota: 2785)** mengulas mengenai perkara ini, beliau mencadangkan agar KOSMA merujuk kepada peguam KOSMA bolehkah UUK KOSMA dipinda / ditambah supaya perkara ini dapat diselesaikan secara baik.
- iv. **Pengarah SKM Pahang** memberikan penjelasan berhubung perkara tersebut bahawa ia adalah mengenai pindaan Undang – undang Kecil KOSMA 15 bagi

mendapatkan pengecualian seksyen 87 (1) Akta Koperasi 1993. Pindaan ini hendaklah dibawa ke Mesyuarat Anggota Lembaga terlebih dahulu, seterusnya usul ini dibawa ke Mesyuarat Agung dan selepas mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Agung barulah SKM akan menilai berlandaskan Akta Koperasi atau Peraturan Koperasi 2010 sebelum membuat keputusan.

Berdasarkan daripada keputusan Lembaga yang menerima usul tersebut untuk kajian lanjut maka pihak SKM akan menerima dahulu pindaan yang dicadangkan namun ia tidak boleh dilaksanakan sehingga mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Agung akan datang. Pihak SKM akan menerima usul ini dan KOSMA perlu menghantar kepada SKM untuk diteliti dari segi Undang-undang Kecil dan Akta.

- v. **Encik Azaham Shah bin Badrillah (No.Anggota: 0921-A)** berterima kasih atas ulasan yang diberikan oleh Pengarah SKM Pahang dan berpuashati dengan penjelasan tersebut bahawa ia akan dibuat kajian lanjut oleh Anggota Lembaga KOSMA. Seperti yang diperkatakan tadi, perkara ini akan mengambil masa setahun untuk dibentangkan semula dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA akan datang. Dalam tempoh tersebut mungkin ada lagi penama – penama baru yang wujud maka beliau meminta belas ehsan Anggota Lembaga supaya tidak menolak perlantikan penama untuk menjadi anggota.
- vi. **Pengarah SKM Pahang** perlu termaktub perlantikan penama untuk menjadi keanggotaan mengikut UUK dan Akta Koperasi semasa.
- vii. **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (No.Anggota: 0186-A)** mengatakan bahawa sebelum ini beberapa usul telah diluluskan, tetapi sekarang ini masih banyak yang tergantung. KOSMA perlu mengikut apa yang telah diluluskan.
- viii. **Pengarah SKM Pahang** menyatakan bahawa perkara ini perlu dibuat kajian terperinci. SKM tidak semestinya menolak apa jua usul atau pindaan daripada koperasi. SKM akan melihat dan mengkaji supaya undang – undang kecil ini bersesuaian atau tidak serta mematuhi akta. Jangan anggap, sekiranya ada ‘precedent case’, ia boleh digunakan oleh KOSMA, kecuali jika perkara itu telah dibincangkan dalam mahkamah maka semuanya akan menggunakan keputusan yang dibuat termasuklah pihak SKM.
- ix. **Puan Norfini binti Saad (No.Anggota: 0098-A)** mohon penjelasan sekiranya ia masih dalam kajian namun terdapat kenalan beliau yang ditolak permohonan keanggotaan dan rayuannya. Beliau mengharapkan agar KOSMA membincangkan dengan SKM untuk membuat rayuan berhubung perkara ini.
- x. **YH Dato' Sri Pengerusi** mengatakan bahawa perkara ini terbahagi kepada dua iaitu penama yang menerima hak pusaka dan isu kedua penama yang bukan secara langsung menjadi anggota. Penama perlu memohon menjadi anggota berdasarkan kepada UUK KOSMA dan Akta. Lembaga hanya membuat keputusan untuk menolak sekiranya ianya bercanggah dengan akta.

- x. **Encik Harbahan Singh A/L Jagar Singh (No.Anggota: 0633)** memaklumkan pada asalnya syarat keanggotaan KOSMA iaitu ‘berkhidmat di Negeri Pahang’. Beliau meminta agar Anggota Lembaga dapat meneliti secara terperinci UUK asal yang digunakan sejak bermulanya penubuhan KOSMA pada tahun 1967.
- xii. **YH Dato’ Sri Pengerusi** membaca Akta Koperasi iaitu Kelayakan menjadi Anggota dalam sesuatu Koperasi adalah;
- Warganegara Malaysia*
  - Telah mencapai umur lapan belas tahun atau, dalam hal sesuatu koperasi sekolah, telah mencapai umur dua belas tahun; dan*
  - bermastaatutin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi koperasi asas itu atau, dalam hal koperasi sekolah menjadi penuntut berdaftar sekolah itu.*

Akta Koperasi ini digunakan diseluruh koperasi di Malaysia bukan sahaja KOSMA. Jika ada keperluan untuk meminda akta tersebut, maka perlu dipinda di peringkat parliment.

- xiii. **Encik Harbahan Singh A/L Jagar Singh (No.Anggota: 0633)** menjelaskan bahawa, syarat utama pada awal penubuhan koperasi ini hanyalah, ‘Pegawai Kerajaan yang bekerja di Pahang’ tetapi pada zaman koperasi telah mencapai kemajuan, Anggota Lembaga seperti cuba hendak meminda peraturan tersebut seperti ada agenda tertentu.
- xiv. **YH Dato’ Timbalan Pengerusi** menegaskan bahawa apa sahaja yang telah didaftarkan dengan SKM, kawasan operasi sesebuah Koperasi ialah seluruh negeri berkenaan , namun terdapat pengecualian bagi Negeri Pahang iaitu Genting Highlands. Peraturan ini telah didaftarkan di bawah enakmen SKM dan bukan kuasa KOSMA untuk menyekat kelayakan anggota.
- xv. **YH Dato’ Sri Pengerusi KOSMA** menjelaskan Kelayakan menjadi anggota dalam Undang – undang Kecil KOSMA iaitu :-
- Pegawai Kerajaan yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan – badan Berkanun di dalam Negeri Pahang Darul Makmur; atau
  - Pegawai Kerajaan yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan – badan Berkanun di luar Negeri Pahang Darul Makmur tetapi dilahirkan di dalam Negeri Pahang Darul Makmur atau menjadi rakyat Negeri Pahang Darul Makmur; atau
  - pekerja Koperasi ini yang telah disahkan jawatannya dan telah berkhidmat sekurang – kurangnya lima tahun dengan syarat mereka ini tidak boleh menjadi Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan lain – lain Jawatankuasa; atau

Beliau menambah jika anggota masih ingin pindaan tersebut dilaksanakan, maka aturan perlu dibuat bagi mendapatkan kelulusan daripada 2/3 anggota yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan. Pindaan ini akan dihantar ke SKM, seterusnya bila mendapat kelulusan daripada SKM kelak, baru boleh dilaksanakan oleh KOSMA.

- xvi. **Encik Idrisia Attok (No.Anggota:1967)** memaklumkan Kelayakan Menjadi Anggota seksyen 11 Undang – undang Kecil KOSMA, (a) hingga (c) sahaja yang dibentangkan oleh YH Dato' Sri Pengerusi tetapi ada perkataan ‘atau’, dan *d*) *penerima pindahan milik mengikut undang – undang kecil ini* merupakan waris. Beliau mohon penjelasan berhubung perkara ini.
- xvii. **Puan Anita binti Maarof (No.Anggota: 2860)** menyoal sekiranya Penduduk Tetap boleh menjadi anggota KOSMA.
- xviii. **Pengarah SKM Pahang** beliau menjelaskan :-
- Sekiranya didalam Akta, makna bagi ‘atau’ ialah boleh dipilih atau perlu menerima semua melainkan perkataan ‘dan’. Dalam UUK KOSMA Lembaga KOSMA boleh membuat pilihan kerana menggunakan perkataan ‘atau’. Berdasarkan kepada perundangan boleh memilih satu atau semua. UUK ini juga telah dibentangkan di Mesyuarat Agung dan telah diluluskan di peringkat SKM.
  - Mengenai isu kewarganegaraan, Anggota KOSMA boleh merujuk kepada Akta Koperasi Seksyen 26 (kelayakan menjadi anggota), (a) seorang warganegara Malaysia. Penduduk Tetap bukanlah seorang warganegara Malaysia dan tidak sah menjadi anggota koperasi.
- xix. **YH Dato' Haji Abdul Rahman bin Osman (No. Anggota:2099)** beliau berharap agar, KOSMA dapat membincangkan permasalahan penama ini dengan lebih teliti dan terperinci. Beliau seterusnya mengatakan bahawa keanggotaan yang beliau miliki adalah daripada arwah ayah beliau dan ini merupakan salah satu harta pusaka. Maka KOSMA perlu meneliti perkara ini dari segi hukum syarak.
- xx. **YH Dato' Timbalan Pengerusi** menjelaskan sekira permohonan tersebut ditolak, ia adalah mengikut UUK dan Akta Koperasi. Bagi setiap permohonan yang tidak diluluskan, semua modal syer dan unit ladang akan dikembalikan semula kepada waris tersebut.
- xxi. **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan(No.Anggota: 0525-A)** menyatakan bahawa keanggotaan yang dimilikinya pada hari ini juga daripada mendiang bapanya, dan beliau tidak mempunyai kelayakan sebagai anggota mengikut UUK KOSMA dan Akta Koperasi iaitu:-
- c) *bermastaunin sekurang - kurangnya sepuluh tahun atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini.*
- Tambah beliau lagi, perkara ini sudah dilaksanakan dan seramai 18 orang telah ditolak menjadi anggota. KOSMA perlu menghormati harta pesaka yang telah diturunkan oleh keluarga mereka. Tambah beliau lagi, sekurang – kurangnya 700-800 anggota akan kehilangan hak ini, kerana kebanyakannya penama tidak layak mengikut UUK KOSMA dan Akta Koperasi.
- xxii. **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa Anggota Lembaga KOSMA hanyalah mengikut prosedur UUK KOSMA dan Akta Koperasi. Lembaga tidak membuat keputusan mengikut kehendak masing – masing. Mungkin sebelum ini ada penama

yang terlepas pandang dan diluluskan keanggotaannya. SKM telah menegur KOSMA kerana melanggar dan tidak menggunakan UUK dan Akta Koperasi.

- xxiii. **Encik Azaham Shah bin Badrillah (No.Anggota: 0921-A)** memaklumkan mengenai garis panduan SKM - GP14 -

**(L) Usul ke Mesyuarat Agung Tahunan**

(a) Semua usul yang diterima tidak kurang daripada tujuh hari sebelum MAT hendaklah dibentang dalam MAT.

(b) Usul yang dikemukakan yang diluar daripada bidang kuasa pengurusan koperasi hendaklah didengar, ditimbang dan diputuskan di MAT.

(c) Usul bertindih yang diterima bolehlah diselaraskan.

Lembaga koperasi tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau menahan sebarang usul yang diterima daripada dibentang dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

- xxiv. **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa berhubung perkara ini terdapat anggota telah menghantar surat kepada SKM, dan SKM telah mengeluarkan satu surat rasmi kepada KOSMA mengenai usul mesyuarat agung.

- xxv. **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (No.Anggota: 0969)** berharap sekiranya terdapat anggota yang tidak berpuas hati dan mempunyai masalah peribadi, diminta untuk berjumpa dengan wakil Anggota Lembaga di Ibu pejabat.

- xxvi. **YBhg Datuk Ayob bin Haji Abdul Ghani (No.Anggota: 1938)** memaklumkan bahawa beliau tidak berpuashati dengan kenyataan Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong tersebut. Anggota mempunyai hak untuk mendapatkan kepastian dan bercakap dalam Mesyuarat Agung.

- xxvii. **YH Dato' Sri Pengerusi** memaklumkan bahawa tiada seorang pun anggota yang hadir ke Ibu pejabat untuk mendapatkan pencerahan dalam apa jua masalah berkaitan anggota. Anggota sememangnya ada hak untuk bercakap, tetapi hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan.

- xxviii. **YH Dato' Timbalan Pengerusi** memaklumkan bahawa usul ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Anggota Lembaga Khas, dan telah diberikan salinan kepada anggota setiap seorang.

**Mengapa tiba-tiba muncul muka-muka baru yang konon hendak memulihkan** semula KOSMA sambil memperlekehkan perjuangan pimpinan KOSMA selama ini. Perjuangan kami tidak sulit, tetapi secara terang-terangan. Kami berjuang tidak seperti mereka lakukan sekarang. Maka, amat kecewalah saya dengan nada suara dan tuduhan-tuduhan yang memburukkan situasi ini.

### **Mengenai Pemilihan Anggota Lembaga.**

**Berbalik kepada calon-calon** yang menawarkan diri untuk dipilih sebagai Anggota Lembaga pada hari ini, maka saya membuat pendirian iaitu pilihlah calon yang betul-betul boleh memberikan kerjasama sepenuhnya demi KOSMA. (Kalauolah KOSMA masih berkehendakkan saya memimpin lagi. Bak kata orang, pilih yang sekaki dengan saya, senada dengan saya, sehaluan dengan saya, boleh tidur sebantal dan mimpi yang sama dengan saya).

Kalau pilihan anggota yang tidak tepat, mungkin saya juga boleh mengambil keputusan sendiri sambil mendoakan KOSMA makin lebih maju dan berjaya ke kemuncaknya seperti mana yang diwar-warkan oleh mereka dalam media sosial serta alunan sembang-sempat yang manis didengar oleh mereka di sana-sini untuk membuat perubahan pimpinan KOSMA.

### **Mari kita dengar Pepatah Melayu di bawah ini:**

- 1) Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurah jangan.**
- 2) Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran.**
- 3) Mendengar cakap enggang, makan buah berlolok. Dengar cakap orang, masuk terjun lubuk.**
- 4) Jika keruh di hulunya, maka keruhlah juga di hilir.**

### **Saudara-saudari, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

**Akhirnya**, sekali lagi saya mengucapkan Tahniah dan Terima kasih kepada semua Pengurusan dan Kakitangan KOSMA, Ibu Pejabat dan Ladang yang telah berjaya meletakkan KOSMA di landasan yang betul dan mencapai kejayaan yang membanggakan.

**Terima kasih** kepada semua pihak yang bekerjasama menjayakan Mesyuarat Agung KOSMA ke-36 pada hari ini. Saya mohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan dalam masa saya memimpin setahun yang lalu dan sedia menerima pandangan, pendapat secara berhemah, terus terang dan mempunyai fakta-fakta, hujah-hujah yang berlandaskan aturan dan peraturan mesyuarat, UUK KOSMA dan Akta Koperasi.

**Mereka** hendaklah sentiasa mematuhi keputusan majoriti, tidak menyebarkan dahulu sebelum dibincangkan dan diwar-warkan perkara yang belum tentu diputuskan.

**Jauhkan** perasaan dendam kesumat, dengki dan berniat jahat untuk menjatuhkan pimpinan seseorang demi kepentingan diri sendiri atau kumpulan yang tertentu, agar KOSMA tidak akan berulang lagi Krisis Kepimpinan yang lebih dahsyat daripada apa yang pernah berlaku sebelum ini. Jangan pula dalam jangka masa 50 tahun yang akan datang KOSMA akan berbalik semula ke tahap yang menyedihkan kepada Anggota-Anggota KOSMA.

**Jangan** jadikan KOSMA sebagai landasan tempat **Perebutan Kuasa** dan tempat pergantungan mencari pendapatan tetap, kerana ini amat berbahaya kepada sesebuah **Institusi atau Organisasi** seperti KOSMA ini. (**Saya ulang lagi bahawa harta KOSMA bernilai RM 1.3 Billion**).

**Selamat memilih ALP KOSMA.**

**Selamat memilih Wakil Rakyat dalam PRU 14 pada 9 Mei akan datang.**

**Selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak dengan amalan yang direhui dan diterima oleh Allah SWT berlipat ganda pahalanya.**

**Dilanjutkan usia, dimurahkan rezeki, sihat walafiat.**

**Terima Kasih Daun Keladi.**

**Kalau saya masih diberi kepercayaan lagi, InsyaAllah bolehlah saya berdiri di sini.**

**Wabillahitaufiq Wal Hidayah, Assalamualaikum w.b.t.**

**MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA DAN  
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2018/2019**

**1.0 PENDAHULUAN**

Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) bagi tahun 2018/2019 untuk makluman anggota-anggota sekalian.

**2.0 KEANGGOTAAN**

Sehingga 31 Disember 2018 jumlah anggota KOSMA adalah seramai 1,656 orang dan jumlah kedudukan Modal Syer dan Unit Ladang anggota KOSMA adalah seperti dalam buku Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

**3.0 MESYUARAT LEMBAGA (SEHINGGA APRIL 2019)**

- 3.1 Anggota Lembaga telah mengadakan 15 Mesyuarat iaitu 12 Mesyuarat Lembaga dan 3 Mesyuarat Lembaga Khas seperti Jadual di bawah :-

| <b>TARIKH</b> | <b>BILANGAN MESYUARAT</b>              |
|---------------|--|
| 11.05.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 1-2018/2019      |
| 08.06.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 2-2018/2019      |
| 23.07.2018    | Mesyuarat Lembaga Khas Bil 1-2018/2019 |
| 26.07.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 3-2018/2019      |
| 30.08.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 4-2018/2019      |
| 28.09.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 5-2018/2019      |
| 31.10.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 6-2018/2019      |
| 30.11.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 7-2018/2019      |
| 31.12.2018    | Mesyuarat Lembaga Bil 8-2018/2019      |
| 01.02.2019    | Mesyuarat Lembaga Bil 9-2018/2019      |
| 12.02.2019    | Mesyuarat Lembaga Khas Bil 2-2018/2019 |
| 28.02.2019    | Mesyuarat Lembaga Bil 10-2018/2019     |
| 28.03.2019    | Mesyuarat Lembaga Bil 11-2018/2019     |
| 12.04.2019    | Mesyuarat Lembaga Khas Bil 3-2018/2019 |
| 30.04.2019    | Mesyuarat Lembaga Bil 12-2018/2019     |

- 3.2 Sehingga April 2019, senarai kehadiran Anggota-anggota Lembaga KOSMA bagi Mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut :

| <b>NAMA</b>                                     | <b>JAWATAN</b>     | <b>KEHADIRAN</b> |
|---|--------------------|------------------|
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh       | Pengerusi          | 15/15            |
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abd Rahman        | Timbalan Pengerusi | 15/15            |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa                   | Setiausaha         | 15/15            |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari          | Bendahari          | 15/15            |
| YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail     | Wakil Kerajaan     | 6/15             |
| YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz       | Wakil Kerajaan     | 13/15            |
| YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim | Anggota Lembaga    | 13/15            |
| YH Dato' Hajjah Nazilah Bt Abd Latif            | Anggota Lembaga    | 15/15            |
| Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin          | Anggota Lembaga    | 15/15            |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed                 | Anggota Lembaga    | 15/15            |
| Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah           | Anggota Lembaga    | 15/15            |

- 3.3 Mesyuarat Lembaga Bil 01-2018/2019 yang diadakan pada 11 Mei 2018 telah memilih dan melantik Anggota Lembaga Berjawatan seperti berikut:-

| <b>NAMA</b>                                | <b>JAWATAN</b>     |
|--|--------------------|
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh  | Pengerusi          |
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman | Timbalan Pengerusi |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa              | Setiausaha         |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari     | Bendahari          |

- 3.4 Senarai Anggota Lembaga Penuh beserta Jawatan adalah seperti berikut :

| <b>NAMA</b>                                | <b>JAWATAN</b>   |
|--|--|
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li> <li>• Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd</li> <li>• Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA</li> </ul>  |
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li> <li>• Pengerusi J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib</li> <li>• Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li> </ul>                                       |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiausaha J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li> <li>• Setiausaha J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li> <li>• Setiausaha J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib</li> </ul>                               |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li> <li>• Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li> <li>• Ahli J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan</li> <li>• Ahli J/K Pengurusan Ar-Rahnu KOSMA</li> </ul> |

- Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
- Ahli Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd

**YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy  
bin Wan Ismail**

**YH Dato' Haji Mohamad  
Sahfri bin Ab. Aziz**

**YH Dato' Sri Haji Abdul  
Jabbar bin Haji Ibrahim**

**YH Dato' Hajjah Nazilah  
binti Abd Latif**

**Drs Kamarazaman bin  
Haji Zainal Abidin**

**YH Dato' Haji Zamri bin  
Mohamed**

**Encik Azaham Shah bin  
Dato' Badrillah**

- Pengurus J/K Pengurusan Ar-Rahnu KOSMA
- Pengurus Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
- Ahli Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd
- Pengurus J/K Pengurusan Aset, dan Pengembangan Perniagaan KOSMA
- Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan
- Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd
- Pengurus J/K Kebajikan Anggota, Seranta Dan Penerbitan
- Ahli JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset
- Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd
- Pengurus KOSMA Tourism Sdn Bhd
- Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd
- Ahli JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib
- Ahli JK Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan
- Ahli JK Pengurusan Ar-Rahnu KOSMA
- Pengurus JK Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundungan (Mengkaji Usul-usul Anggota)
- Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset
- Ahli J/K Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan

### 3.5 Laporan Aktiviti Lembaga yang telah dijalankan.

| <b>TARIKH</b> | <b>AKTIVITI</b>   |
|---------------|---|
| 07.07.2018    | Majlis Jamuan Aidilfitri 2018 di Ladang KOSMA                                       |
| 30.07.2018    | Sesi Taklimat oleh Syarikat Danum Sinar Sdn Bhd                                     |
| 08.08.2018    | Temuduga bagi jawatan Pengurus Kewangan   |
| 09.08.2018    | Majlis Kesukuran dan Ceramah di Masjid Tengku Mahkota Abdullah                      |
| 14.08.2018    | Temuduga bagi Jawatan Pengurus Besar  |
| 05.09.2018    | Lawatan ke Makmal Budi JS di Klang Selangor   |
| 29.09.2018    | Kejohanan Woodball Anggota Lembaga dan Kakitangan di Ladang KOSMA                   |
| 10.10.2018    | Perjumpaan Anggota Lembaga, Pengurusan dan Kakitangan di Kompleks Perladangan KOSMA |
| 28.10.2018    | ISO - Latihan Kesedaran ISO 9001:2015 di Kompleks Perladangan KOSMA                 |

|               |  |
|---------------|--|
| 27.11.2018    | Perjumpaan dengan Pengarah SKM Pahang  |
| 12.12.2018    | Program Majlis Taklimat dan Lawatan Kilang   |
| 31.12.2018    | Majlis Doa Selamat di Café KOSMA   |
| 12-13.01.2019 | Konvensyen Pemeriksaan Koperasi anjuran ANGKASA di Hotel Tenera, Selangor  |
| 15.01.2019    | Temuduga Jawatan Pengurus Pentadbiran di Ibu pejabat   |
| 25-27.01.2019 | Team Building 2019 – Anggota Lembaga, Jawatankuasa Kecil dan Pengurusan KOSMA  |
| 07.02.2019    | Lawatan Tinjauan Pematuhan MSPO ke Ladang Kelapa Sawit Milik Koperasi Ladang Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Berhad di Bukit Keramat, Kemayan, Pahang |
| 17.02.2019    | Mesyuarat Agung Kawasan Kuantan Co-opbank Pertama 2019 di Dewan Atabara, Kuantan, Pahang   |
| 19.03.2019    | Taklimat Kewangan Islam Bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad & Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pahang   |
| 19.03.2019    | Mesyuarat Peneraju EPP Sektor Perladangan Koperasi 1/2019 di SKM, Kuala Lumpur   |
| 21.03.2019    | Kunjung Hormat ke Pejabat Pengerusi JK Hal Ehwal Felda, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna  |
| 27.03.2019    | Pre-Council Anggota Lembaga di KOSMA Business Hotel  |
| 16.04.2019    | Persidangan Negeri ANGKASA Pahang Zon 1, 2019 di The Zenith Hotel  |

## 4.0 LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL (SEHINGGA APRIL 2019)

### 4.1 Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan

4.1.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 13 kali termasuk 1 kali mesyuarat khas seperti jadual berikut :-

| TARIKH     | BILANGAN MESYUARAT                           |
|------------|--|
| 18.05.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 1-2018/2019      |
| 29.06.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 2-2018/2019      |
| 13.07.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 3-2018/2019      |
| 30.07.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 1-2018/2019 |
| 20.08.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 4-2018/2019      |
| 19.09.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 5-2018/2019      |
| 18.10.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 6-2018/2019      |
| 19.11.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 7-2018/2019      |
| 27.12.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 8-2018/2019      |
| 16.01.2019 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 9-2018/2019      |
| 25.02.2019 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 10-2018/2019     |
| 25.03.2019 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 11-2018/2019     |
| 19.04.2019 | Mesyuarat JK Pengurusan Bil 12-2018/2019     |

4.1.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

| NAMA   | JAWATAN         | KEHADIRAN |
|--|-----------------|-----------|
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh                              | Pengerusi       | 13/13     |
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman                             | Timbalan        | 12/13     |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa  | Pengerusi       | 13/13     |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari                                 | Setiausaha      | 13/13     |
| YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif<br>(Lantikan bermula 20 Jun 2018) | Bendahari       | 12/12     |
|  | Anggota Lembaga |           |

#### 4.2 Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset

4.2.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti jadual berikut:-

| TARIKH     | BILANGAN MESYUARAT  |
|------------|---|
| 27.06.2018 | Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 1-2018/2019 |
| 26.11.2018 | Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 2-2018/2019 |
| 07.12.2018 | Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 3-2018/2019 |
| 17.12.2018 | Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 4-2018/2019 |

4.2.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

| NAMA                                       | JAWATAN      | KEHADIRAN |
|--|--------------|-----------|
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman | Pengerusi    | 4/4       |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa              | Jawatankuasa | 3/4       |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari     | Jawatankuasa | 4/4       |
| Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin     | Jawatankuasa | 4/4       |
| Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah      | Jawatankuasa | 4/4       |

4.2.3 Aktiviti yang dijalankan.

- 27.06.2018 - Rundingan dengan syarikat-syarikat pembekal baja mengenai keperluan baja Kumpulan Perladangan KOSMA bagi Separuh Tahun Kedua 2018.
- 17.12.2018 - Rundingan dengan syarikat-syarikat pembekal baja mengenai keperluan baja Kumpulan Perladangan KOSMA bagi Separuh Tahun Pertama 2019.
- 11.03.2019 - Mesyuarat 'Replanting 2019' di Kumpulan Perladangan KOSMA.

### **4.3 Jawatankuasa Perladangan**

- 4.3.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa Perladangan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali seperti jadual berikut:-

| <b>TARIKH</b> | <b>BILANGAN MESYUARAT</b>                |
|---------------|--|
| 25.10.2018    | Mesyuarat JK Perladangan Bil 1-2018/2019 |
| 21.12.2018    | Mesyuarat JK Perladangan Bil 2-2018/2019 |
| 26.02.2019    | Mesyuarat JK Perladangan Bil 3-2018/2019 |
| 26.04.2019    | Mesyuarat JK Perladangan Bil 4-2018/2019 |

- 4.3.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

| <b>NAMA</b>                                     | <b>JAWATAN</b>  | <b>KEHADIRAN</b> |
|---|-----------------|------------------|
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh       | Pengerusi       | 4/4              |
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abd Rahman        | Timbalan        | 4/4              |
|   | Pengerusi       |                  |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa                   | Setiausaha      | 4/4              |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari          | Bendahari       | 4/4              |
| YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail     | Wakil Kerajaan  | 1/4              |
| YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz       | Wakil Kerajaan  | 2/4              |
| YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim | Anggota Lembaga | 1/4              |
| YH Dato' Hajjah Nazilah Bt Abd Latif            | Anggota Lembaga | 4/4              |
| Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin          | Anggota Lembaga | 4/4              |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed                 | Anggota Lembaga | 4/4              |
| Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah           | Anggota Lembaga | 4/4              |

- 4.3.3 Aktiviti yang dijalankan.

Taklimat oleh Agen Pengurusan Ladang berhubung pencapaian prestasi Kumpulan Perladangan KOSMA.

### **4.4 Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib**

- 4.4.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali dan 1 mesyuarat khas seperti berikut :-

| <b>TARIKH</b> | <b>BILANGAN MESYUARAT</b>   |
|---------------|---|
| 25.07.2018    | Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 1-2018/2019      |
| 28.12.2018    | Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 2-2018/2019      |
| 11.02.2019    | Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Khas Bil 1-2018/2019 |

4.4.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

| NAMA                                       | JAWATAN      | KEHADIRAN |
|--|--------------|-----------|
| YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman | Pengerusi    | 3/3       |
| YH Dato' Haji Khadri bin Musa              | Setiausaha   | 3/3       |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed            | Jawatankuasa | 3/3       |
| Cr Abdul Hamid bin Ghazali                 | Jawatankuasa | 3/3       |
| Puan Noriah bt Md Noor                     | Jawatankuasa | 3/3       |

4.4.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 03.01.2019 - Temuduga Perlantikan Kakitangan 'Check-roll' di Ladang KOSMA.

#### 4.5 Jawatankuasa Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan

4.5.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali termasuk 2 kali mesyuarat khas iaitu seperti berikut :-

| TARIKH     | BILANGAN MESYUARAT  |
|------------|---|
| 25.03.2018 | Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 1-2018/2019      |
| 19.09.2018 | Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 2-2018/2019      |
| 12.12.2018 | Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 3-2018/2019      |
| 04.01.2019 | Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Khas Bil 1-2018/2019 |
| 24.01.2019 | Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Khas Bil 2-2018/2019 |

4.5.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

| NAMA   | JAWATAN      | KEHADIRAN |
|--|--------------|-----------|
| Drs Kamarazaman Bin Haji Zainal Abidin                               | Pengerusi    | 5/5       |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari                               | Setiausaha   | 5/5       |
| Puan Rosdalina bt Mohd Dahlan  | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik Zulmani bin Ngah   | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik Bahrum Azahar bin Haji Mohd                                    | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik David Allymothu A/L Kaylesam                                   | Jawatankuasa | 5/5       |
| YH Dato' Haji Abdullah bin Majid<br>(Lantikan bermula 26 Julai 2018) | Jawatankuasa | 2/4       |
| Encik Zaabar bin Ahmad<br>(Lantikan bermula 26 Julai 2018)           | Jawatankuasa | 4/4       |
| Encik Ho Jee @ Ho Kee Aei<br>(Lantikan bermula 26 Julai 2018)        | Jawatankuasa | 3/4       |

4.5.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 05.07.2018 - Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri
- ii. 07.07.2018 - Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Kompleks Perladangan KOSMA
- iii. 17.07.2018 - Mesyuarat Pengelola Majlis Jamuan Hari Raya KOSMA 'post-mortem'
- iv. 09.08.2018 - Majlis Kesukuran dan Ceramah di Masjid Ladang KOSMA
- v. 23.09.2018 - Program Team Building 2019 di Ladang KOSMA
- vi. 02.02.2019 - 'Post-Mortem' Program Team Building

4.6 **Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan**

- 4.6.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali iaitu seperti berikut :-

| TARIKH     | BILANGAN MESYUARAT   |
|------------|--|
| 19.07.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan Bil 1-2018/2019 |
| 24.09.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan Bil 2-2018/2019 |
| 16.10.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan Bil 3-2018/2019 |
| 06.12.2018 | Mesyuarat JK Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan Bil 4-2018/2019 |
| 19.02.2019 | Mesyuarat JK Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan Bil 5-2018/2019 |

- 4.6.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

| NAMA                                  | JAWATAN      | KEHADIRAN |
|---------------------------------------|--------------|-----------|
| YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif  | Pengerusi    | 5/5       |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed       | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik Badaruddin bin Haji Mokhtar     | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik Rajendiran A/L Duraisamy        | Jawatankuasa | 5/5       |

4.6.3 Aktiviti dan Perancangan Jawatankuasa

- i. 28.08.2018 - Perbincangan bersama IPTB di Grand Seasons Hotel Kuala Lumpur
- ii. 12.11.2018 - Perbincangan dengan Budi JS (mengenai Tapak Semaian) di Dorsett Subang
- iii. 15.11.2018 - Lawatan ke Ladang Sawit (Gemumi Plantation) di Kota Tinggi, Johor
- iv. 25.11.2018 - Lawatan Tapak di Pulau Aur Mersing
- v. 29.11.2018 - Perbincangan dengan pihak IPTB Sdn Bhd di Sunway Putra Hotel
- vi. 20.02.2019 - Perbincangan dengan pihak IPTB Sdn Bhd
- vii. 19.03.2019 - Perjumpaan dan Perbincangan dengan Pengerusi IPTB Sdn Bhd (Buraq Oil) di Pejabat IPTB Sdn Bhd

#### **4.7 Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu**

- 4.7.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu seperti jadual berikut :-

| <b>TARIKH</b> | <b>BILANGAN MESYUARAT</b>                                   |
|---------------|---|
| 23.07.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 01-2018/2019 |
| 02.11.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 02-2018/2019 |
| 28.12.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 3-2018/2019  |
| 22.02.2019    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 4-2018/2019  |

- 4.7.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

| <b>NAMA</b>                                   | <b>JAWATAN</b> | <b>KEHADIRAN</b> |
|---|----------------|------------------|
| YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz     | Pengerusi      | 4/4              |
| Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari        | Jawatankuasa   | 4/4              |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed               | Jawatankuasa   | 4/4              |
| Tuan Dr Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Othman | Jawatankuasa   | 3/4              |
| Puan Puteri Ruziyana binti S'aban             | Jawatankuasa   | 3/4              |

- 4.7.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 13.12.2018 - Temuduga Pengambilan Kakitangan Ar Rahnu di KOSMA Business
- ii. 12.03.2019 - Mesyuarat 'Task Force' Pelancaran Cawangan Ar Rahnu KOSMA di Temerloh
- iii. 26.03.2019 - Temuduga Pengambilan Kakitangan Ar Rahnu di Premis Ar Rahnu Temerloh

#### **4.8 Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan (Mengkaji Usul-usul Anggota)**

- 4.8.1 Bagi sesi 2018/2019, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali iaitu seperti jadual berikut :-

| <b>TARIKH</b> | <b>BILANGAN MESYUARAT</b>  |
|---------------|--|
| 29.06.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan Bil 01-2018/2019 |
| 13.09.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan Bil 02-2018/2019 |
| 22.10.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan Bil 03-2018/2019 |
| 19.11.2018    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan Bil 04-2018/2019 |
| 15.02.2019    | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan Bil 05-2018/2019 |

4.8.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

| NAMA  | JAWATAN      | KEHADIRAN |
|---|--------------|-----------|
| Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah                         | Pengerusi    | 5/5       |
| Tuan Haji Mohd Rahim bin Awang                                | Jawatankuasa | 5/5       |
| Encik Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh                        | Jawatankuasa | 5/5       |
| Puan Norfini bt Saad  | Jawatankuasa | 4/5       |
| Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan                        | Jawatankuasa | 4/5       |
| Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman<br>(Lantikan pada 02.10.2018) | Jawatankuasa | 3/3       |

4.8.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 13.07.2018 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan 'Task Force' Risiko dan Integriti
- ii. 12.09.2018 - 'Task Force' Jawatankuasa Risiko dan Integriti/SIRIM
- iii. 27.11.2018 - Perjumpaan dengan Pengarah SKM mengenai Pindaan Undang-undang Kecil KOSMA
- iv. 04.04.2019 - Bengkel Jawatankuasa Pengurusan 'Risiko - Mengkaji tentang cadangan pindaan UUK KOSMA.


## 5.0 LAPORAN KOSMA HOLDINGS SDN BHD DAN KOSMA TOURISM SDN BHD

### 5.1 KOSMA Holdings Sdn Bhd dan KOSMA Tourism Sdn Bhd

KOSMA Holdings Sdn Bhd merupakan syarikat pelaburan strategik yang sentiasa menerokai peluang-peluang pelaburan yang boleh mendatangkan hasil kepada syarikat secara khususnya, dan koperasi secara amnya.

Koop Mart D'KOSMA yang dikelola oleh KOSMA Holdings Sdn Bhd telah ditutup operasinya pada akhir 2018 kerana ingin memberi laluan kepada pihak KOSMA untuk mengembangkan lagi aktiviti perniagaan Ar-Rahnu KOSMA Kuantan yang kini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan yang mana kini Ar Rahnu KOSMA mempunyai ruang yang amat kecil dan tidak dapat menampung jumlah pelanggan yang besar dalam satu masa.

KOSMA Holdings Sdn Bhd juga merupakan syarikat 'parent' kepada KOSMA Tourism Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti perhotelan iaitu KOSMA Business Hotel, KOSMA Boutique Hotel dan KOSMA Budget Hotel yang semuanya terletak di sekitar bandar Kuantan.



KOSMA Holdings Sdn Bhd sentiasa memantau perjalanan aktiviti KOSMA Tourism Sdn Bhd bagi memastikan perancangan yang telah ditetapkan sentiasa diikuti.

Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd sesi 2018/2019 adalah seperti berikut :-

| NAMA                                      | JAWATAN   |
|---|-----------|
| YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh | Pengerusi |
| YH Hajjah Nazilah bt Abd Latif            | Pengarah  |
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed           | Pengarah  |
| Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin         | Pengarah  |
| Encik Kamarul Bahrin bin Dato' Abd Rahman | Pengarah  |

## 5.2 KOSMA Tourism Sdn Bhd

Kini, bermula 1 Januari 2019, KOSMA Tourism Sdn Bhd telah mengambil alih sepenuhnya operasi cafe KOSMA Business Hotel yang mana kontrak antara IASC Holdings Sdn Bhd KOSMA telah tamat pada 31 Disember 2018. Dengan pengambilalihan operasi cafe ini, dapat membantu hotel dalam menyediakan perkhidmatan ‘food and beverage’ kepada penginap hotel dan orang luar yang menjamu selera di sini. Ini juga dapat menyumbang pendapatan kepada KOSMA Tourism Sdn Bhd hasil daripada operasi cafe ini.

Cafe KOSMA Business Hotel telah mendapat banyak tempahan acara dan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan malah dapat meningkatkan imej KOSMA sendiri dalam bidang ini.

Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd dan KOSMA Tourism Sdn Bhd saling bekerjasama dalam meningkatkan unjuran positif aktiviti perhotelan untuk berdaya saing dalam bidang ini yang kini kian mencabar memandangkan landskap ekonomi kini tidak menentu polanya.

Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd bagi Sessi 2018/2019.

| NAMA  | JAWATAN   |
|---|-----------|
| YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed               | Pengerusi |
| Encik Abdullah bin Wahab                      | Pengarah  |
| Puan Rosnah bt Jaafar                         | Pengarah  |
| Tuan Haji Shaharuddin @ Shaharuddin bin Idris | Pengarah  |
| Encik Azman bin Khadith                       | Pengarah  |

## **6.0 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

### **6.1 Pendahuluan**

Laporan ini disediakan bagi memenuhi kehendak subperenggan 32(1)(b) Undang-Undang Kecil KOSMA bagi menimbang Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan kedalam Mesyuarat Agung Tahunan.

### **6.2 Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dalaman**

Haji Abdul Mutalib b Yusof  
En. Ravitharan A/L Ratnasingam  
Hj. Mohamed Azahar b. Sulong  
Hjh Rokiah bt Hj. A. Wahab  
Hj. Muslim b. Umar  
(Lantikan baru mulai 1 Julai 2018)

- Ketua  
- Setiausaha  
- Ahli  
- Ahli  
- Ahli

### **6.3 Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa**

Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak 3 kali iaitu pada 12 Julai 2018, 18 September 2018 dan 12 Disember 2018.

### **6.4 Tempoh Kerja Pengauditan**

Sebanyak 4 kali setahun iaitu 3 bulan sekali kerja-kerja pengauditan dijalankan di semua aktiviti KOSMA iaitu di Ibu Pejabat, Perhotelan, Kedai Serbaneka, Ar-Rahnu dan Perladangan. Jadual pengauditan adalah seperti jadual berikut:-

|                  |                      |
|------------------|----------------------|
| Januari -Mac     | - Suku Tahun Pertama |
| April-Jun        | - Suku Tahun Kedua   |
| Julai-September  | - Suku Tahun Ketiga  |
| Oktober-Disember | - Suku Tahun Keempat |

### **6.5 Penemuan Audit Mengikut Aktiviti**

#### **6.5.1 Perhotelan**

- i. Pengurusan Hotel KOSMA adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd (KTSB) mula berkuatkuasa 8 Jun 2018 setelah dibuat rombakan semula. Terdapat 3 buah hotel iaitu Budget Hotel, Boutique Hotel dan Business Hotel manakala Kedai Serbaneka adalah dibawah pengawasan Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd.
- ii. Sepanjang tahun 2018 pendapatan bagi 2 buah hotel iaitu Budget Hotel dan Boutique Hotel didapati tidak memuaskan dan secara keseluruhannya mencatatkan kerugian setiap bulan. Manakala Business Hotel telah mencatatkan keuntungan yang terbaik dan sentiasa mendapat sambutan daripada pelanggan.

### **6.5.2 Untung/Rugi (Januari hingga Disember 2018)**

- |    |                      |                         |
|----|----------------------|-------------------------|
| a. | KOSMA Budget Hotel   | = (RM68,034.55) - Rugi  |
| b. | KOSMA Boutique Hotel | = (RM39,079.71) - Rugi  |
| c. | KOSMA Business Hotel | = RM175,935.50 - Untung |

**6.5.3 Purata Penginapan Tahunan (Annual Average Occupancy Rate) dan "Break Even" adalah seperti berikut :-**

| HOTEL          | BREAK EVEN | ACHIEVEMENT<br>(PENCAPAIAN) |
|----------------|------------|-----------------------------|
| Business Hotel | 40%        | 46.03%<br>(Untung)          |
| Boutique Hotel | 50%        | 37.96%<br>(Rugi)            |
| Budget Hotel   | 70%        | 47.12%<br>(Rugi)            |

**6.5.4** Adalah dicadangkan agar 2 buah hotel yang mencatatkan kerugian ini dikaji semula operasinya agar hotel-hotel ini kembali memperolehi keuntungan. Disamping itu, JAD juga mencadangkan supaya pihak pengurusan hotel menyediakan Pelan Pemasaran dan pakej promosi bagi memperkenalkan hotel-hotel KOSMA untuk menarik pelanggan. Mengatur 'strategic alliance' dengan pihak-pihak yang terlibat mempromosikan hotel diseluruh dunia melalui media sosial. Menyediakan papan-papan tanda dan tunjuk arah yang bersesuaian untuk kemudahan orang ramai mengenali hotel KOSMA.

**6.5.5** Urusan perniagaan cafeteria di Business Hotel telah diambil alih oleh pengurusan KTSB pada 01.01.2019 dan langkah ini amatlah dialu-alukan.

#### **Ulasan Pengurusan**

**Beberapa perancangan kini sedang dirangka untuk meningkatkan lagi jualan dan keuntungan serta dapat bersaing dengan hotel-hotel yang lain antaranya memperkasanya pelan pemasaran. Disamping itu juga, KTSB telah menawarkan harga yang sangat menarik kepada ahli-ahli KOSMA dan juga orang ramai yang ingin menginap di hotel rangkaian KOSMA bagi menggalakkan peningkatan kadar penginapan.**

**KOSMA Budget Hotel yang kini tidak dapat bersaing dengan hotel-hotel berdekatan oleh keadaannya yang tidak memuaskan dari penampilan bilik hotel dan kemudahan lif. Pihak Lembaga telah merangka dimana hotel tersebut perlu diubahsuai secara keseluruhan bagi meningkatkan kualiti dan imej malah dijangka kadar penginapan boleh ditingkatkan dengan tawaran harga yang istimewa dengan kemudahan-kemudahan baru yang akan disediakan.**

**Pihak KTSB akan membuat promosi ke setiap agensi kerajaan dan swasta yang berada di Pahang bagi menarik minat orang ramai membuat tempahan penginapan dan sebarang acara dewan serta kafe.**

**Sokongan dan dorongan daripada Ahli Lembaga Pengarah KOSMA, Ahli Jawatankuasa Kecil KOSMA, Ahli-ahli KOSMA, kakitangan KOSMA sangat diperlukan dan dapat disuntik bersama bagi mempromosikan hotel rangkaian KOSMA kepada orang ramai.**

#### **6.6 Kedai Serbaneka**

Kedai serbaneka ini telah dibuka pada tahun 2016 dan telah menjalankan perniagaan mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Sepanjang tahun 2018, didapati perniagaan kedai runcit ini telah mencatat kerugian setiap bulan. Pada tahun 2018, telah mencatat kerugian berjumlah RM52,753.53. Maka, Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holding Sdn Bhd telah memutuskan supaya perniagaan ini ditutup pada akhir 2018. JAD bersetuju dengan cadangan mengenai penutupan kedai serbaneka ini bagi mengelak kerugian yang berterusan.

#### **6.7 Ar-Rahnu**

6.7.1 Premis ini mula beroperasi pada 12 Mei 2016. Perniagaan Ar-Rahnu telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan mencatat keuntungan yang amat baik. Sehingga tahun 2018 Ar-Rahnu telah mencatat keuntungan terkumpul sebanyak RM517,083.00 berbanding keuntungan terkumpul pada tahun 2017 sebanyak RM482,401.00 dengan peningkatan sebanyak 7%.

6.7.2 Pelanggan Ar-Rahnu :-

- |                        |             |
|------------------------|-------------|
| a) Bukan anggota KOSMA | - 440 orang |
| b) Anggota KOSMA       | - Tiada     |

JAD mencadangkan supaya diadakan kempen yang berterusan kepada anggota KOSMA untuk menjadi pelanggan Ar-Rahnu dengan memberikan insentif sebagai galakan.

6.7.3 JAD merakamkan ucapan tahniah kepada Pengurusan Ar-Rahnu kerana pencapaian yang terbaik sepanjang tahun 2018.

#### **6.8 Keanggotaan**

Permohonan Pewaris / Penama Untuk Menjadi Anggota KOSMA Sehingga Disember 2018 JAD mendapati:-

- 19 permohonan keanggotaan daripada waris ahli (penama) ditolak kerana tidak mematuhi syarat sepertimana dalam UUK 11 (2) C Undang – Undang Kecil KOSMA 2010.
- Keputusan bagi 5 lagi permohonan masih ditangguh diperingkat ALK.

JAD mencadangkan supaya pihak Lembaga mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi permohonan keanggotaan daripada waris yang ditolak kerana tidak mematuhi syarat. Antara yang dicadangkan

adalah memberikan taklimat atau penerangan kepada semua anggota supaya menyemak penama masing-masing dengan mematuhi UUK 11 (2) (c), UUK KOSMA 2010.

### **Ulasan Pengurusan**

#### **Bagi tahun 2018 :**

- i. **Hanya seorang penama yang telah ditolak permohonan menjadi anggota/pindahmilik kerana tidak memenuhi syarat Fasal 11 (2) (c) UUK KOSMA - pada Januari 2019.**
- ii. **Selepas Mesyuarat Agung, lima (5) permohonan yang tidak memenuhi syarat Fasal 11 (2) (c) UUK KOSMA telah ditangguhkan.**

#### **6.9 Projek Usahasama Dengan Ho Hup Construction**

##### **Pembinaan Hotel dan Pangsapuri**

Projek usahasama ini telah ditandatangani dengan pemaju Ho Hup Construction pada 12 Mac 2018. JAD mencadangkan supaya projek ini dapat dibentangkan kedalam Mesyuarat Agong yang terdekat supaya ahli-ahli mendapat maklumat sebenar berkaitan projek ini.

#### **6.10 Agen Pengurusan Ladang Oleh Budi Js Plantation Management Sdn Bhd**

Semakan JAD ke atas terma – terma perjanjian mendapati perolehan ke atas khidmat sebagai Agen Pengurusan Ladang iaitu:-

- i. Komisen jualan BTS Ladang KOSMA ke Kilang Wujud Wawasan Sdn Bhd bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM1.807 juta (RM7.63/metrik tan).
- ii. Komisen pembelian baja dan program pembajaan ialah RM361,233.55 (RM1.52/metrik tan).
- iii. Yuran Agen Pengurusan Ladang berjumlah RM621,665.40 (RM2.63/ metrik tan)

Yuran agen pengurusan Ladang keseluruhannya bagi tahun 2018 ialah RM11.78/ metrik tan. Kos pengeluaran BTS bagi tahun 2018 ialah RM210.69 (ex-estate) berbanding RM182.65 (2017). Jumlah penghasilan BTS bagi tahun 2018 ialah 236,740 metrik tan berbanding 2017 iaitu 259,192 metrik tan.

Pihak JAD mencadangkan pihak Pengurusan membuat kajian perbandingan ke atas kadar yuran (fees) yang dikenakan oleh Budi JS berbanding dengan syarikat – syarikat lain. Berdasarkan laporan, jumlah keseluruhan tahun 2018, bayaran kepada Budi JS adalah sebanyak RM3.76 juta.

#### **6.11 Bangunan Kedai Hakmilik KOSMA**

- 6.11.1 Semakan dan pemeriksaan oleh JAD mendapati kekosongan di tingkat 1 dan 2 di bangunan kedai yang dibeli oleh KOSMA terbiar kosong tanpa ada penyewa sejak ianya dibeli. Kekosongan yang tidak disewa adalah seperti berikut :-

| <b>LOKASI ASET</b>         | <b>TARIKH BELI</b> | <b>HARGA BELI (RM)</b> | <b>KEKOSONGAN</b> | <b>CATATAN</b>             |
|----------------------------|--------------------|------------------------|-------------------|----------------------------|
| Kuantan Avenue,<br>Kuantan | 01.01.2011         | 2.57 Juta              | Tingkat 1 & 2     | Tingkat<br>Bawah<br>Disewa |

|                                |            |           |               |                            |
|--------------------------------|------------|-----------|---------------|----------------------------|
| Damai Court,<br>Temerloh       | 30.12.2016 | 1.74 Juta | Tingkat 1 & 2 | Tingkat<br>Bawah<br>Disewa |
| Kedai Jalan<br>Irong, Jerantut | 30.12.2016 | 1.71 Juta | Tingkat 1 & 2 | Tingkat<br>Bawah<br>Disewa |

- 6.11.2 JAD meminta supaya Ahli Lembaga Koperasi mengambil perhatian yang serius mengenai isu ini. KOSMA tidak dapat memperolehi hasil sewa daripada kekosongan tersebut. Maka adalah perlu bagi mendapatkan penyewa dengan menawarkan insentif yang menarik.

#### **Ulasan Pengurusan**

**Bahagian Pentadbiran (aset dan sewaan) telah membuat pengiklanan sewaan menerusi media seperti Mudah.com.my dan di dalam laman web KOSMA. Hasil dari pengiklanan ini, dua unit (tingkat 1 & 2) bangunan KOSMA di Temerloh akan mempunyai penyewa bermula Mei 2019 ini.**

**Unit sewaan akan merangka promosi untuk mencari penyewa-penyewa baru seperti menambahkan lagi pengiklanan di setiap lokasi bangunan tersebut. Selain itu, iklan di media massa lain bersama tawaran sewaan termurah (mengikut harga terkini) dan kelonggaran (insentif) lain dengan kelulusan Ahli Lembaga KOSMA.**

#### **6.12 Perladangan**

- 6.12.1 JAD mendapati ladang-ladang Kosma telah diuruskan dengan baik. Pihak KOSMA telah berusaha meningkatkan kebaikan Pegawai dan kakitangan diladang dengan penambahbaikan rumah-rumah kakitangan termasuk pembinaan kquarters baru untuk Penolong Pengurus. Kini projek pembinaan kquarters baru hampir siap. Pembinaan rumah baru kepada kakitangan lain akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.
- 6.12.2 Pada tahun 2018, pihak KOSMA telah menambah kemudahan awam kepada kakitangan diladang iaitu :-
- a) Pembinaan Dewan Serbaguna - Dijangka siap 12 Februari 2019
  - b) Pembinaan 3 unit lot kedai - Dijangka siap April 2019
  - c) Jambatan Konkrit diladang Gajah Jinak - Dijangka siap 14 Mac 2019
  - d) 10 unit Rumah Semi D - Dijangka siap 12 Februari 2019
- 6.12.3 Pada tahun 2018, 3 ladang telah membuat Tanaman Semula iaitu Ladang KOSMA 7, Ladang KOSMA 8 dan Ladang Bukit Serlai seperti maklumat berikut:

| NAMA LADANG         | KELUASAN (HEKTAR) | KOS (RM)     |
|---------------------|-------------------|--------------|
| Ladang KOSMA 7      | 201.90            | 975,725.00   |
| Ladang KOSMA 8      | 243.50            | 1,340,314.00 |
| Ladang Bukit Serlai | 150.00            | 860,613.00   |

- 6.12.4 Kerja-kerja Tanaman Semula bagi ketiga-tiga ladang di atas telah siap.

## 6.13 Rumusan

- 6.13.1 JAD mendapati bahawa pengurusan KOSMA masih berada di landasan yang betul. JAD juga mendapati KOSMA telah diuruskan dengan baik namun masih ada ruang penambahbaikan perlu dibuat bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada. Di antaranya seperti :-
- i) Tiada kertas kerja projek Ho Hup disediakan yang mengandungi kajian kebolehlaksanaan (feasibility study) dan pengurusan risiko.
  - ii) Pengurusan Aset yang tidak sempurna seperti penyediaan rekod dan 'labelling'.
- 6.13.2 Jawatankuasa ini merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak dalam pengurusan KOSMA yang telah memberikan kerjasama yang baik semasa pengauditan dijalankan.


## 7.0 PERKEMBANGAN PADA TAHUN 2018

### 7.1 Maklumat Terkini Ladang-Ladang KOSMA

- 7.1.1 Keluasan kawasan yang matang bagi Ladang KOSMA yang terkini adalah:

| BLOK | NAMA LADANG            | KELUASAN KAWASAN (HEKTAR) |                 |           |                 |
|------|------------------------|---------------------------|-----------------|-----------|-----------------|
|      |                        | 2017                      |                 | 2018      |                 |
|      |                        | MATANG                    | BELUM<br>MATANG | MATANG    | BELUM<br>MATANG |
| 1    | Ladang Gajah Jinak     | 2,598.30                  | -               | 2,598.30  | -               |
| 2    | Ladang Sungai Kepasing | 1,963.60                  | 136.80          | 2,100.40  | -               |
| 4    | Ladang Bukit Serlai    | 752.20                    | 1,196.30        | 1,010.40  | 943.30          |
| 6    | Ladang KOSMA 6         | 1,613.00                  | 705.40          | 2,063.10  | 255.30          |
| 7    | Ladang KOSMA 7         | 1,187.80                  | 461.70          | 986.80    | 662.70          |
| 8    | Ladang KOSMA 8         | 1,892.20                  | 544.90          | 1,652.70  | 769.80          |
| 9    | Ladang KOSMA 9         | 2,170.30                  | -               | 2,168.60  | -               |
|      | Jumlah                 | 12,182.40                 | 3,045.10        | 12,580.30 | 2,631.10        |

- 7.1.2 Profil Umur Pokok Ladang KOSMA



**Peringkat Umur Pokok Kelapa Sawit**

| <b>PROFIL UMUR POKOK KELAPA SAWIT</b> | <b>KELUASAN TANAH (HA)</b> | <b>PERATUSAN (%)</b> |
|---------------------------------------|----------------------------|----------------------|
| > 21 tahun                            | 6,664.60                   | 44%                  |
| 8 tahun - 20 tahun                    | 3,068.50                   | 20%                  |
| 4 tahun - 7 tahun                     | 2,847.20                   | 19%                  |
| < 3 tahun                             | 2,631.10                   | 17%                  |
| Jumlah                                | 15,211.40                  | 100.0                |

7.1.3 Maklumat penanaman semula ladang KOSMA bagi tahun 2018 :


| <b>LADANG</b>       | <b>LUAS (HA)</b> | <b>BLOK</b> |
|---------------------|------------------|-------------|
| Ladang Bukit Serlai | 150.00           | Blok D      |
| Ladang KOSMA 7      | 201.90           | Blok F      |
| Ladang KOSMA 8      | 243.50           | Blok B      |
| Jumlah              | 595.40           |             |

7.1.4 Kadar Perahan Minyak :

| <b>TAHUN</b> | <b>KOSMA</b> | <b>PAHANG</b> | <b>SEMENANJUNG MALAYSIA</b> |
|--------------|--------------|---------------|-----------------------------|
| 2016         | 19.8         | 20.0          | 19.8                        |
| 2017         | 19.3         | 19.3          | 19.2                        |
| 2018         | 20.3         | 19.9          | 19.7                        |

7.1.5 Pengeluaran Hasil Terkini Ladang-Ladang KOSMA.

**HASIL BTB 2017 - 2018**



|        | HASIL BTB ( MT/HA ) |         |          |         | HASIL BTB ( MT) |         |          |         |
|--------|---------------------|---------|----------|---------|-----------------|---------|----------|---------|
|        | 2017                |         | 2018     |         | 2017            |         | 2018     |         |
|        | LADANG              | SEBENAR | ANGGARAN | SEBENAR | ANGGARAN        | SEBENAR | ANGGARAN | SEBENAR |
| LGJ    | 23.00               | 18.00   | 20.60    | 19.20   | 59,772          | 46,800  | 53,383   | 50,000  |
| LSK    | 24.40               | 18.20   | 20.90    | 19.00   | 47,983          | 35,800  | 43,857   | 40,000  |
| LBS    | 21.00               | 19.60   | 17.70    | 18.40   | 15,806          | 14,800  | 17,916   | 18,600  |
